

Jilid IV
Bil. 3



Hari Rabu
9hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 317]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 319]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 320]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 380]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).

- Yang Berhormat PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 9hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“8hb April, 1986

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT KEPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang

(Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan);

3. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan;
11. Rang Undang-undang Paten (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qur'an;
14. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan); dan
15. Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan).

Yang ikhlas,

.....
Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pecen (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pecen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan;
11. Rang Undang-undang Paten (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qur'an;
14. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan); dan
15. Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SEKTOR EKONOMI— KAJIAN SEMULA

1. Tuan Tan Chang Soong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa terdiri daripada kedua-dua sektor swasta dan awam untuk mengkaji semula struktur ekonomi Malaysia serta memberi cadangan-cadangan yang sesuai demi mewujudkan pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa yang disertai oleh kedua-dua sektor swasta dan awam untuk mengkaji semula struktur ekonomi Malaysia serta memberi cadangan-cadangan yang sesuai demi mewujudkan pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan. Antara jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara yang telah pun mengemukakan 48 perakuan yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Selain daripada itu, Jawatankuasa Tetap Mengenai Industri Besi Waja dan Keluli, Pasukan Petugas Perindustrian Getah, Majlis Galakan Eksport dan Panel Perundingan Pertanian juga telah ditubuhkan supaya sektor swasta dapat bersama-sama mengubal dasar dan membentuk perakuan untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

DOKTOR PAKAR BEDAH—JUMLAH

2. Tuan Tay Chee King minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyak jumlah doktor pakar bedah yang ada di hospital seluruh Malaysia; dan
- (b) mengapa Kementerian tidak menghantar seorang pun doktor bedah di Hospital Kluang, Johor sungguhpun hospital tersebut mempunyai perlengkapan yang sempurna untuk doktor pakar bedah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pakar bedah yang terdapat di Semenanjung Malaysia ialah 38 orang. Bilangan ini masih tidak mencukupi untuk keperluan penduduk di negara kita.
- (b) Pada ketika ini terdapat seramai 5 orang pakar bedah di negeri Johor. Mereka ditempatkan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Hospital Daerah Muar, Batu Pahat dan Segamat. Dalam penempatan doktor-doktor pakar, keutamaan adalah diberi kepada hospital-hospital yang mempunyai beban kerja yang tinggi atau jarak di antara Hospital Daerah dengan Hospital Besar adalah jauh. Kementerian Kesihatan akan menempatkan pakar-pakar ini di Hospital Daerah Kluang juga apabila keadaan mengizinkan. Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit dari Hospital Daerah Kluang yang memerlukan perkhidmatan kepakaran di dalam bidang pembedahan akan dirujuk ke hospital-hospital berhampiran di mana perkhidmatan kepakaran disediakan.

Di samping itu pakar-pakar telah diarah supaya melawat Hospital-hospital Daerah yang berdekatan yang tidak mempunyai pakar-pakar dan Hospital Daerah Kluang adalah termasuk dalam golongan lawatan ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengikut perancangan Kerajaan atau Kementerian Kesihatan, berapa ramai pakar bedah ini boleh mencukupi untuk keperluan negara keseluruhannya?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu ramalan yang saya tidak dapat memberikan, tetapi sekurang-kurangnya Kementerian merancang untuk mengadakan seorang pakar pembedahan di setiap Hospital-hospital Besar dan seberapa yang boleh di Hospital-hospital Daerah dan dalam keadaan ini kekurangan adalah jelas.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah menjelaskan atas banyak perkara. Saya ingin bertanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah Kementerian bercadang menghantar doktor biasa ke luar negeri untuk menjadi doktor bedah atas perbelanjaan Kerajaan kita, jika ada, berapa ramai yang dihantar setiap tahun dan apakah pecahannya mengikut kaum dan adakah kuota bagi tiap-tiap kaum?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang merancang dan menjalankan satu skim latihan di peringkat "post graduate" untuk melatih pakar-pakar, bukan sahaja pakar-pakar pembedahan tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain dan pada tahun yang lalu kami telah menganjurkan lebih kurang 35

orang doktor-doktor perubatan yang biasa untuk latihan dalam beberapa bidang dan Kementerian akan meneruskan perkara ini.

Tidak ada penentuan kuota bagi kaum di dalam penganjuran latihan-latihan ini dan pada amnya Kementerian memilih mereka yang sudah pun berpengalaman dan mempunyai latihan sendiri untuk menjalankan bidang-bidang tertentu dalam perkara ini. Memanglah kita cuba setiap masa untuk mendapat satu keseimbangan di antara kaum dalam usaha ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian daripada Menteri yang berkenaan, setakat ini berapa ramaiakah pakar bedah ini yang terdiri daripada kaum bumiputera?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Ini adalah melebihi dan luar dari pertanyaan asal, lagi pun terlalu cepat Yang Berhormat berdiri, tidak sempat saya tahan. Kelmarin saya sudah minta kerjasama bahawa di masa Soal Jawab, kalau ada soalan tambahan tolonglah bertanya dua soalan tambahan sahaja oleh kerana banyak lagi pertanyaan-pertanyaan selalu ditinggalkan dengan tidak dapat peluang menjawab di dalam Dewan ini.

PROGRAM RTM— PERUBAHAN

3. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Penerangan menyatakan adakah pihak Kementerian berpuas hati dengan program-program RTM, khususnya program hiburan di TV oleh kerana masyarakat berpendapat bahawa tiada apa-apa perubahan buat masa ini dengan para artis tempatan yang lebih mengutamakan pakaian dan persembahan ala barat.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, RTM adalah sentiasa mencuba memperbaiki lagi mutu rancangan-rancangan siarannya sama ada yang berbentuk informasi seperti Berita, Dokumentari, Majallah dan rancangan-rancangan pembangunan mahupun yang menghiburkan seperti Drama dan hiburan. Peningkatan prestasi adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti tenaga kerja yang mahir dan berbakat, peralatan yang kemaskini dan peruntukan kewangan yang mencukupi.

Dalam pada itu, RTM juga mempunyai garis-garis panduan yang perlu diikuti termasuklah menonjolkan unsur-unsur budaya bangsa. Dalam rancangan hiburan unsur-unsur ini disajikan dengan berbagai cara, khususnya bagi menarik minat penonton-penonton di peringkat remaja dan belia kerana mereka inilah yang akan mewarisi khazanah bangsa di masa hadapan.

Itulah sebabnya dalam mempersembahkan rancangan-rancangan yang berunsur tradisional adunan hiburan moden dan semasa juga perlu dibuat tetapi tanpa menonjolkan unsur-unsur barat yang tidak sesuai dengan budaya kita sendiri.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekarang ini penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, di kampung-kampung tidak dapat lagi mengikuti Berita TV pukul 6.00 petang kerana sekarang ini disiarkan dalam bahasa Inggeris sedangkan Berita-berita ini adalah amat mustahak kepada seluruh rakyat terutama di kawasan luar bandar?

Yang keduanya, adakah satu siaran TV waktu tengah hari, Hari Jumaat, satu rancangan yang sangat digemari oleh kanak-kanak, ini melibatkan kepada beberapa buah negeri yang cuti umumnya pada Hari Jumaat. Saya mendapat rungutan daripada ramai ibu bapa bahawa susah hendak mengajak anak-anak ke masjid Hari Jumaat selagi siaran itu belum selesai. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu cadangan supaya siaran itu diubah pada lain masa? Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat kami, Berita yang disiarkan pada hari ini, sudah mencukupi, waktu 8.00 malam kita ada satu Berita dalam Bahasa Malaysia dan selepas itu, ada juga Berita dalam Bahasa Malaysia.

Berhubung dengan soalan yang kedua, pihak Kementerian akan mengambil ingatan yang khusus dalam soal ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menyambung soalan sahabat saya mengenai Berita pukul 6.00 TV yang dialih dari bahasa Malaysia ke bahasa Inggeris, sedarkah pihak Kementerian walaupun dialihkan ke bahasa Inggeris dengan alasan yang diberi oleh Menteri tadi, tetapi mutu pembacaan sudah amat merosot di dalam bahasa Inggeris terdiri daripada pembaca-pembaca yang sudah tua, nafas tidak cukup, adakah rancangan untuk menggantikan kerana mereka ini sudah terlampau letih dan tidak dapat memberi kekesanan kepada para pendengar? (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian memang menyedari hakikat ini dan kami pada hari ini berusaha untuk mencari orang-orang

yang benar-benar berkebolehan. Saya harap Yang Berhormat sendiri dapat menonjolkan sesiapa juga yang difikirkan sesuai.

KAMPUNG BARU TANPA BEKALAN AIR/ ELEKTRIK

4. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat ini, berapa bilangannya kampung baru di negara ini belum:

- (a) dapat bekalan air dan elektrik; dan
- (b) ada jalan tar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, jawapan:

- (a) Mengikut maklumat yang sedia ada dengan Kementerian ini terdapat 41 buah kampung-kampung baru daripada 452 buah iaitu 8.8% yang masih belum dapat bekalan air paip. Dari segi bekalan elektrik pula, sebanyak 47 buah kampung baru atau 10% daripada jumlah kampung-kampung baru yang masih belum mempunyai bekalan elektrik daripada Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menerangkan di sini, bahawa daripada bilangan rumah yang masih belum mempunyai bekalan elektrik setengah daripadanya mereka telah pun mempunyai bekalan elektrik daripada sumber-sumber swasta.
- (b) Sebenarnya semua kampung-kampung baru dalam Malaysia mempunyai jalan tar. Walau bagaimanapun, di setengah-setengah kampung-kampung baru keadaan dan penyelenggaraan jalan-jalan tar ini tidak memuaskan. Setiap

tahun Kementerian saya ada memberi peruntukan untuk memperbaiki penyelenggaraan dan juga membina jalan. Kementerian saya juga sedang berusaha meningkatkan taraf jalan-jalan ini dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya, Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang pelaksanaan di peringkat daerah dan jajahan supaya keadaan jalan dapat lebih baik lagi.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, kampung-kampung baru ini telah ditubuhkan selepas perang Jepun. Waktu itu orang tidak ramai tetapi sekarang semuanya sudah jadi nenek dan datuk dan tiap-tiap keluarga sudah bertambah ramai. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu, memandangkan banyak kampung-kampung baru ini diduduki oleh ramai penduduk hingga tidak dapat ditampung oleh kampung-kampung baru ini, adakah Kementerian bercadang meluaskan lagi kampung-kampung baru ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soal pokok soalan ini ialah berkenaan dengan bekalan air, elektrik dan jalan tar. Jadi, sekarang kalau menyentuh kepada pertambahan manusia dalam kampung-kampung baru tentulah ini juga ada berkait dengan kampung-kampung baru. Sungguhpun begitu, Kementerian ini atau Jabatan yang berkaitan telah merancang dari segi peluasan, dari segi menambahkan kemudahan-kemudahan dan sebagainya untuk meningkatkan kualiti hidup dan juga untuk menjadikan satu kawasan atau tempat yang lebih selesa, yang lebih baik untuk menyempurnakan dengan konsep penempatan manusia (human settlement) yang lebih baik, yang lebih memuaskan untuk masa akan datang.

Jadi, untuk peluasan kampung-kampung baru sungguhpun kita telah ada rancangan-rancangan tetapi kita juga ada menghadapi konstrain-konstrain iaitu dari segi peluasan kampung-kampung baru berkehendakkan peluasan tanah. Jadi, soal tanah ialah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh sebab itulah kita masih berusaha sedaya upaya mendapatkan kerjasama dan juga persefahaman yang lebih daripada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya projek yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi dapatlah dijayakan dengan peringkat demi peringkat.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya masih bersangkutan dengan jalan tar dan paip air di kawasan kampung-kampung baru. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar di kawasan Kampung Baru Tanjung Sepat apabila ada satu projek pembinaan perumahan swasta yang menggunakan jalan raya di kawasan kampung baru itu selama beberapa tahun akibatnya jalan-jalan tar di kawasan Kampung Baru Tanjung Sepat itu lumat, hancur menjadi londang. Jadi, apabila pihak rakyat minta supaya jalan itu dibaiki kita tahu Kerajaan kita sekarang ini dalam zaman meleset, jadi adakah Kementerian membuat syarat supaya orang yang membuat projek perumahan di kawasan berhampiran dengan kampung baru yang menggunakan jalan-jalan kampung baru itu kalau jalan rosak dia yang membaiki? Pilihanraya sudah dekat.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini bukanlah cuma dari segi membuat peraturan, membuat sekatan kepada satu-satu pemaju supaya janganlah merosakkan jalan sahaja tetapi dari segi pendidikan sivik atau kesedaran saya fikir lebih penting. Jadi, inilah saya berharap selain daripada dapat

jagaan daripada pihak Berkuasa Tempatan atau Majlis Daerah dan sebagainya, barangkali Ahli-ahli Majlis Daerah juga adalah bertanggungjawab. Kalau ada keadaan semacam itu berlaku, sebagai Ahli Majlis Daerah mesti melaporkan perkara itu kepada pihak Majlis supaya tindakan boleh diambil. Kalau keadaan itu tidak dapat diselesaikan barangkali hendaklah dilaporkan kepada Kementerian saya dan kita bolehlah dari segi perhubungan, dari segi memberi nasihat supaya dapatlah pemaju itu bukan sahaja dapat dijaga keadaan jalan itu tetapi juga apabila projek perumahan itu telah diselesaikan bolehlah juga dapat dibaiki jalan itu kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 5 ini telah dijawab oleh Menteri yang berkenaan pada 7hb April, 1986 pada masa Soal Jawab.

KURSUS DI MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa jenis kursus yang dijalankan sepanjang tahun oleh Maktab Koperasi di Petaling Jaya untuk ahli-ahli Koperasi dan bagaimana sambutan daripada pihak Koperasi sendiri. Setakat hari ini apakah latihan dan kursus itu telah mencapai matlamat dan sasarannya untuk meningkatkan mutu pengurusan Koperasi seluruhnya.

10-4-86

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa jumlah wang di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Pelajaran Kerjasama

(2%) iaitu kutipan wajib yang dikenakan ke atas setiap koperasi bagi tahun 1984 dan 1985. Benarkah setiap peserta kursus di Maktab Kerjasama yang mewakili koperasinya dikenakan bayaran. Jika benar, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya ingin mohon izin menjawab soalan Yang Berhormat pada hari esok kerana soalan Yang Berhormat itu adalah lebih kurang sama.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 28 jenis kursus yang dijalankan di Maktab Kerjasama sepanjang tahun dan ianya terbahagi kepada tiga bahagian. Pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) Pentadbiran Koperasi dan Perundangan—9 jenis kursus.
- (ii) Pengurusan Kewangan—9 jenis kursus.
- (iii) Pentadbiran Perniagaan—10 jenis kursus.

Setakat ini matlamat dan sasaran Maktab Kerjasama telah tercapai. Adalah dijangkakan masih ramai lagi pemimpin dan ahli-ahli serta pekerja-pekerja koperasi yang perlu mendapat latihan dan kursus.

Sambutan daripada koperasi-koperasi amat baik terhadap kursus-kursus yang dianjurkan. Ini adalah kerana pihak Maktab membuat kajian terlebih dahulu jenis-jenis kursus yang diperlukan oleh koperasi-koperasi dan kursus-kursus diadakan sesuai dengan kehendak koperasi, misalnya kursus jurujual untuk pekerja koperasi pengguna, kursus pentadbiran dan pengurusan untuk Lembaga Pengarah Koperasi, kursus asas untuk ahli-ahli yang baru dan sebagainya.

Dari penilaian kursus yang dijalankan pada tiap-tiap akhir kursus, sama ada di dalam atau di luar maktab, kursus-kursus yang dijalankan menepati matlamat. Dari segi penyesuaian kursus mata pelajaran yang diajar, keberkesanan penyampaian dan faedah kepada peserta-peserta apabila balik ke koperasi masing-masing. Oleh itu, adalah jelas bahawa Maktab Kerjasama Malaysia telah mencapai matlamat dan sasarannya sebagai sebuah institusi latihan koperasi.

Kutipan 2% daripada keuntungan bersih setiap koperasi untuk Akaun Amanah Kumpulan Wang Pelajaran Kerjasama adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1984, jumlah yang patut dikutip ialah sebanyak \$2,382,905.74, tetapi yang telah dikutip adalah sebanyak \$1,487,493.79. Baki sebanyak \$895,411.95 adalah tunggakan. Bagi tahun 1985, jumlah yang patut dikutip ialah sebanyak \$2,388,307.19 dan yang telah dikutip berjumlah \$1,982,734.29 dengan baki tunggakan sebanyak \$405,572.90.

Setiap peserta kursus yang mengikuti program pengajar koperasi kelolaan maktab sepenuhnya tidak dikenakan bayaran. Setiap peserta sebaliknya dibayar elaun makan \$6.00 seorang dan tambang perjalanan pergi dan balik. Asrama dan lain-lain kemudahan maktab adalah diberi secara percuma.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyakkah peserta yang telah mengikuti kursus-kursus itu dalam tahun 1985 dan juga tahun 1986? Saya ingin tahu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1985 maktab telah melatih seramai

2,482 orang peserta melalui kursus-kursus maktab dan seramai 8,106 orang peserta melalui kursus-kursus anjuran bersama. Mereka adalah terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi, ahli-ahli koperasi, pegawai-pegawai daripada agensi-agensi Kerajaan yang menyeliaikan koperasi seperti Jabatan Koperasi, RISDA, FELDA, FELCRA, KESEDAR, KETENGAH, MADA, KADA dan lain-lain agensi Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kutipan 2% yang diwajibkan menurut undang-undang ke atas koperasi-koperasi yang telah menunjukkan keuntungan mengikut penyata-penyata akaun yang telah diaudit disahkan oleh pihak Kerajaan, kenapakah pihak Kementerian masih tidak mengutip? Seperti contohnya, di dalam tahun 1984 \$800,000 lebih dan tahun 1985 lebih daripada \$400,000, pada hal wang ini memang ada dan memang berkuasa pihak Kerajaan untuk mengutipnya. Ini akan mendatangkan banyak faedah kepada pihak ahli-ahli koperasi sendiri, tambahan pula pihak Kerajaan di dalam keadaan meleset ingin menjimatkan kewangannya, tetapi tidak dikutip, mengapa?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Bukan tidak dikutip, Tuan Yang di-Pertua, dikutip, tetapi koperasi-koperasi ini membuat bayaran secara beransur-ansur. Jika Yang Berhormat hendak tanyakan jumlahnya sehingga sekarang ini, jumlah kutipan yang telah dibayar itu saya tidak ada angkanya, tetapi untuk menegaskan di sini koperasi-koperasi yang berhutang itu sudah pun diberikan notis untuk menjelaskan dan sekarang sedang berusaha membayar secara beransur-ansur.

Dato G. Pasamanickam: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua soalan tambahan dikemukakan. Kalau saya beri peluang, perkataan saya tidak ada erti lagi (*Ketawa*). Jadi, minta maaf.

Dato G. Pasamanickam: Saya datang ke sini untuk bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, kita boleh tulis untuk bertanya.

PULAU DIPILIH JADI TAMAN LAUT

7. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah bilangan dan nama pulau yang telah dipilih jadi taman laut dan lain-lain pulau yang dicadangkan juga jadi taman laut di negara ini dipilih sebagai kawasan larangan jadi taman laut.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 22 pulau di Semenanjung Malaysia telah diwartakan pada 13hb Oktober, 1983 dan 4hb April, 1985 untuk dijadikan kawasan larangan. Pulau-pulau tersebut adalah seperti berikut:

Pantai Barat—

Pulau Paya
Pulau Kaca
Pulau Lembu
Pulau Segantang

Pantai Timur

Pulau Redang
Pulau Tulai
Pulau Chebeh
Pulau Tinggi
Pulau Mentinggi
Pulau Sembilang
Pulau Seri Buat
Pulau Babi Besar
Pulau Babi Hujung

Pulau Babi Tengah
Pulau Rawa
Pulau Sibul
Pulau Perhentian Kecil
Pulau Perhentian Besar
Pulau Kapas
Pulau Lang Tengah
Pulau Tioman
Pulau Tenggol.

Pulau-pulau ini juga akan dijadikan taman laut.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya (*Ketawa*).

Dato G. Pasamanickam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar banyak “Babi” (*Ketawa*). Bolehkah Kementerian ambil tindakan untuk hendak tukarkan nama “Babi” kepada mana-mana nama lain?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak timbul (*Ketawa*).

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah persediaan yang kita telah buat bagi melengkapkan pulau ini sebagai taman laut dan apakah perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi taman ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 dua pulau, iaitu Pulau Raya dan Pulau Redang akan dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan untuk menjadi taman laut dan pulau-pulau lain akan dirancang mengikut peruntukan kewangan yang ada.

Tentang peruntukan yang disediakan, saya akan menjawab secara bertulis.

**PERKHIDMATAN AWAM/
TENTERA/POLIS—
STRUKTUR**

8. Tuan Chan Choong Tak minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada langkah-langkah konkrit diambil untuk membentuk semula struktur Perkhidmatan Awam, Ketenteraan, Polis dan pelbagai Perladangan supaya ianya tidak disamakan dengan suatu kaum besar sahaja dalam negara kita; dan
- (b) bolehkah sebagai satu langkah untuk menggalakkan semua rakyat Malaysia berfikir pada dirinya sebagai rakyat Malaysia daripada bangsanya, perkataan “bangsa” (race) dihapuskan daripada semua borang-borang di mana perkara-perkara tidak ada perhubungan dengan “bangsa” itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Awam, Tentera dan Polis adalah terbuka untuk semua rakyat Malaysia, di peringkat bawah dan juga atasan. Walau bagaimanapun, bukan bumiputera kebanyakannya lebih berminat kepada jawatan-jawatan tinggi dan tertentu sahaja, yang kecil jumlahnya. Mereka kurang berminat untuk memohon jawatan-jawatan rendah. Jumlah jawatan-jawatan dalam Kumpulan “C” dan “D” Perkhidmatan Awam, jawatan “rekrut” dalam Angkatan Tentera dan “Konstable” dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia bergantung jumlahnya kepada beberapa permohonan daripada sesuatu pihak. Begitu juga halnya dengan bidang Perladangan, iaitu di bawah agensi pembangunan tanah, sambutan kebanyakannya datang dari satu kumpulan kaum sahaja walaupun Kerajaan menggalakkan kaum-kaum lain turut serta.

Menyentuh pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat itu, sememangnya kita menghendaki rakyat negara ini menanam perasaan dan cinta terhadap Malaysia serta taat setia yang tidak berbelah bahagi dan mengenali diri mereka sebagai rakyat Malaysia. Perkataan-perkataan “keturunan” dan “bangsa” hanya digunakan bagi maksud-maksud perangkaan/banci sahaja dan Kerajaan menggalakkan perkataan “warganegara” digunakan dan dokumen-dokumen rasmi seperti kad pengenalan dan pasport.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, daripada keterangan Yang Berhormat Menteri menunjukkan ada golongan tertentu yang sudi masuk ke dalam perkhidmatan tentera ini terus diterbangkan ke pangkat yang tinggi. Tidakkah ada syarat-syarat di dalam perkhidmatan ketenteraan ataupun bidang-bidang yang lain di mana menghendaki tiap-tiap seorang anggota itu merangkak daripada bawah, daripada setiap pangkat baru naik ke atas.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkhidmatan awam kita, terdapat beberapa katagori mengikut kelulusan dan syarat kemasukan. Jadi perkara merangkak daripada bawah ke atas ataupun memanjat ke atas turun ke bawah ini tidak timbul dalam perkhidmatan awam.

**PENGAJAR YANG
MENYELEWENG—MENGAWASI**

9. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan telah mengenalpasti para pengajar (guru dan pensyarah) yang tidak sehaluan dengan Kerajaan dan secara berterangan mempengaruhi penuntut menyokong tindakannya. Kalau ya, nyatakan bilangan mereka dan apakah langkah-langkah pemulihan yang telah diambil dan kalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa mengawasi para pengajar (guru dan pensyarah) dalam menjalankan tugas mereka. Setiap aduan yang diterima mengenai mana-mana para pengajar yang menyeleweng semasa menjalankan tugas dan cuba mempengaruhi pelajar-pelajar supaya menentang Kerajaan, disiasat dengan teliti oleh Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang dapat dibuktikan terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

Dato Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapa ramaikah guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang telah diambil tindakan. Kerana dalam penggal yang lalu juga, pihak Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa tindakan akan diambil kepada guru-guru yang terlibat dalam hal ini. Minta penjelasan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes seperti ini sukar dikenalpasti dan dibuktikan. Saya berharap Yang Berhormat Ahli-ahli bekerjasama dengan Kerajaan dengan memberi maklumat-maklumat yang konkrit mengenai perkara ini supaya membolehkan Kementerian saya menyiasat perkara tersebut dan Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi saya untuk memberi angka-angka mengenai tindakan yang telah diambil berhubung dengan perkara ini oleh sebab saya telah terangkan.

LORI SAMPAH DI KUALA LUMPUR

10. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar,

bahawa lori-lori yang mengangkut sampah di sekitar Kuala Lumpur adalah lori-lori yang begitu lama, buruk dan kotor dan selalu sahaja menggugurkan sampah sarap di sepanjang jalan dan nyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan lori sampah yang moden demi untuk menjaga kebersihan di Bandaraya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja memungut sampah di Bandaraya Kuala Lumpur ini dilakukan oleh tiga pihak iaitu:

- (i) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- (ii) kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Dewan Bandaraya di kawasan-kawasan yang dikontrakkan; dan
- (iii) pemilik-pemilik bangunan perdagangan dan perindustrian besar atau kontraktor-kontraktornya yang memungut dan membuang sendiri sampah sarap (mengikut Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap, Wilayah Persekutuan 1981).

Lori-lori pungutan sampah yang digunakan oleh Dewan Bandaraya adalah jenis lori compactor, iaitu kenderaan moden sama seperti yang digunakan di negara-negara maju. Selain daripada menggunakan lori compactor, Dewan Bandaraya juga menggunakan sistem Kontena bertutup yang dipanggil "Roll-on-Roll-off". Sistem ini juga adalah sistem moden sama seperti yang digunakan di negara-negara yang maju.

Bagi kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur kebanyakannya menggunakan lori-lori terbuka. Mungkin apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai lori-lori lama, buruk dan kotor ini adalah lori-lori jenis ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang memanggil tawaran untuk menukarkan sistem kontrak ini, termasuk mensyaratkan penggunaan lori compactor bagi kerja-kerja pungutan sampah. Bagi pemilik-pemilik bangunan perdagangan dan perindustrian besar atau kontraktor-kontraktornya Dewan Bandaraya sedang menimbangkan undang-undang untuk mendaftarkan lesen semua lori atau kontraktor pungutan sampah swasta untuk memastikan penggunaan lori yang moden dan bersih.

DERMA PENUNTUT-PENUNTUT LUAR NEGERI

11. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan, melarang orang-orang tertentu yang pergi berjumpa dengan penuntut-penuntut kita di luar negeri dan meminta derma dari mereka bagi tujuan membiayai perjuangan sesuatu parti siasah.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi Kerajaan menghalang mana-mana pihak berjumpa dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Walau bagaimanapun, Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia sentiasa mengawasi pelajar-pelajar kita itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi menerima sebarang aduan mengenai pihak-pihak yang meminta derma bagi tujuan perjuangan parti politik mereka.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu sedarlah pihak Kementerian bahawa MSD kita yang berada di luar negeri walau di mana-mana pun telah tidak dapat mengawal dengan baik segala kegiatan luar penuntut-penuntut ataupun pelajar-pelajar kita sama ada di Amerika ataupun di Britain juga di lain-lain negeri, di Australia umpamanya. Tidakkah pihak Kementerian bercadang supaya dapat melantik satu dua orang daripada kumpulan pelajar-pelajar itu sendiri di tempat mereka belajar. Katalah umpamanya, kalau mereka itu di sebuah universiti, di Brisnol University umpamanya di Amerika ataupun di Indiana mereka itu kita beri latihan orientasi dan kemudian mereka boleh mengawal atau boleh bertindak melihat kegiatan dan perkembangan yang tidak sihat di kalangan sesama mereka, sebab saya faham MSD ataupun Malaysian Students' Department di mana-mana sahaja tidak dapat mengawal dengan penuh dan menengokkan keadaan-keadaan penuntut-penuntut kita ini. Sebab itu banyak cerita-cerita yang luar biasa berlaku. Cerita memohon derma ini benar, kerana saya ada anak, keluarga yang membuat laporan melalui telefon.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu sangat baik, Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang serius kepada cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu.

RISDA/FELCRA— PENYATUAN

12. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) apakah rasionalnya untuk menyatukan RISDA dan FELCRA; dan

- (b) jika sekiranya cadangan ini adalah dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan agensi Kerajaan untuk sektor luar bandar amnya, dan ekonomi sektor pekebun kecil khususnya, alangkah lebih tepat jika usaha rasionalisasi agensi Kerajaan tidak terhad kepada FELCRA dan RISDA di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, bahkan juga meliputi Jabatan Pertanian, Haiwan dan Lembaga Persatuan Peladang di Kementerian Pertanian dan seterusnya KEMAS dan lain-lain lagi di Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, RISDA dan FELCRA adalah dua agensi Kerajaan yang bertanggungjawab secara langsung kepada pembangunan setempat (*In situ*) penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. RISDA melaksanakan pemodenan pekebun kecil getah melalui program-program tanam semula. Tetapi melihat kepada trend sekarang pekebun-pekebun kecil getah lebih cenderung untuk menanam tanaman-tanaman lain terutamanya kelapa sawit bagi menggantikan getah. Dengan itu peranan RISDA dari segi tanaman getah telah mulai berkurang. Dalam pada itu FELCRA juga memainkan peranan membangunkan pekebun kecil menerusi program pemulihan dan penyatuan tanah. Oleh itu, dalam konteks untuk mengurangkan kos pengurusan dan mengelakkan peranan bertimbaltindih di antara kedua-dua agensi, dalam membincangkan masalah masa depan RISDA dan masa depan getah maka kajian kemungkinan mencantumkan kedua-dua agensi ini telah dibincangkan. Kemungkinan dengan cara itu lahirlah

satu agensi sahaja yang akan memberi penekanan khusus untuk memajukan pekebun kecil keseluruhannya. Walau bagaimanapun, idea ini masih lagi di peringkat cadangan dan kajian yang teliti dan mendalam perlu dibuat. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah memulakan langkah awal dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang sama yang dijalankan oleh RISDA dan FELCRA.

Agensi-agensi Kerajaan lain di bawah Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mungkin mempunyai kumpulan sasaran yang sama dengan RISDA dan FELCRA iaitu penduduk luar bandar. Walau bagaimanapun, percantuman agensi-agensi ini tidak menjamin peningkatan keberkesanan ini. Faktor-faktor lain seperti perkhidmatan yang diberi dalam bidang-bidang pengkhususan agensi itu perlu diambil kira dan dikaji dengan teliti dan mendalam terlebih dahulu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat soalan tambahan. Dua, tiga hari yang lalu, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ada membuat satu kenyataan yang mengatakan bahawa pekebun kecil yang mempunyai aktiviti yang berbagai adalah lebih teguh kedudukan ekonominya dalam keadaan ekonomi meleset kerana mereka mempunyai sumber-sumber pendapatan yang berbagai-bagai. Ini bermakna bahawa pembangunan sepadu di peringkat *insitu* adalah satu cara yang paling berkesan sekali untuk membantu masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya di sini, jika sekiranya pihak Kerajaan masih lagi pada peringkat awal dalam usaha untuk merasionalisasikan agensi-agensi Kerajaan yang khusus untuk

PENGUSAHA KILANG— KAJIAN SEMULA

17. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan bilangan penganggur makin lama makin meningkat adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula peraturan-peraturan yang dikenakan untuk pengusaha-pengusaha kilang yang terdiri dari orang-orang asing.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Kee Yong Wee): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula peraturan-peraturan yang dikenakan untuk pengusaha-pengusaha kilang yang terdiri dari orang-orang asing walaupun bilangan penganggur sedang meningkat sekarang. Sebab-sebab Kerajaan tidak berhasrat untuk berbuat demikian ialah kerana:

- (i) Kerajaan bertujuan menggalakkan pelaburan asing ke negara ini;
- (ii) menggalakkan aktiviti syarikat yang berteknologi tinggi;
- (iii) menggalakkan aktiviti-aktiviti yang diutamakan oleh Kerajaan, umpamanya yang menggunakan bahan-bahan tempatan;
- (iv) menggalakkan aktiviti-aktiviti sampingan atau supporting activity, dengan izin, yang lain;
- (v) menggalakkan eksport;
- (vi) menggalakkan pemindahan teknologi;
- (vii) menjalankan understudy dan program latihan kepada warganegara Malaysia daripada usahawan-usahawan yang mempunyai kemahiran yang khusus dan pengetahuan teknologi yang tinggi.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia bagi mengisi kekosongan yang wujud di syarikat-syarikat sebelum permohonan pegawai asing diluluskan.

Untuk tujuan ini, Kementerian saya selalu meminta syarikat mengiklankan jawatan-jawatan di akhbar-akhbar tempatan untuk mendapatkan calon-calon yang diperlukan. Kelulusan hanya diberi sekiranya calon-calon yang sesuai sukar didapati, tetapi Kerajaan akan meluluskan permohonan syarikat untuk pegawai dagang jika pegawai-pegawai itu mempunyai kemahiran yang khusus dan pengetahuan teknologi yang tinggi.

STESEN KERETAPI ALOR SETAR—MENGUBAHSUAI

18. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kedudukan bangunan stesen keretapi Alor Setar, Kedah sekarang ini mencemarkan pandangan keindahan bandar Alor Setar dan jika sedar adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan batu atau mengubahsuaikan rekabentuk bangunan itu dengan bentuk yang lebih menarik dipandang.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, pihak Keretapi Tanah Melayu memang sedar dengan keadaan dan kedudukan bangunan stesen keretapi di bandar Alor Setar.

KTM memang mempunyai rancangan untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan bagi kerja-kerja ubahsuai dan memperindahkan stesen tersebut, tetapi keadaan ekonomi tidak mengizinkan. Namun demikian, melalui peruntukan yang sedia ada, KTM akan memberi keutamaan dalam mengubahsuai serta memperindahkan stesen keretapi Alor Setar.

**KAPAL DAGANG MALAYSIA—
KEPERLUAN PEGAWAI**

19. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah jumlah kapal dagangan Malaysia dan jumlah sebenar keperluan pegawai-pegawai yang layak mengendalikan kapal-kapal tersebut, sekarang ini:

- (a) berapa ramai pegawai-pegawai itu dari rakyat Malaysia dan berapa ramai yang bukan rakyat Malaysia dan dari negara mana mereka itu diambil dan berapa lama mereka mengikat kontrak dengan Kerajaan Malaysia; dan
- (b) apa rancangan Kerajaan Malaysia untuk mencukupkan semua pegawai-pegawai yang layak mengendalikan kapal-kapal kita itu dari rakyat kita sendiri dalam RML.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kapal-kapal dagang yang didaftarkan di Malaysia adalah sebanyak 737 pada tahun 1984. Keperluan pegawai-pegawai bagi mengendalikan kapal-kapal tersebut adalah sebanyak 3,410 orang.

- (a) Bilangan pegawai-pegawai dari rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia yang bekerja di atas kapal-kapal Malaysia adalah sering berubah oleh kerana kapal-kapal ini belayar di seluruh dunia. Rakyat Malaysia adalah bekerja bukan sahaja di kapal-kapal Malaysia tetapi bebas bekerja di kapal-kapal asing. Pada masa ini Kementerian saya sedang mengadakan usaha mendaftarkan semua pegawai-pegawai pelaut yang bekerja di kapal-kapal Malaysia. Setakat ini bilangan pegawai-pegawai rakyat Malaysia dan bukan

rakyat Malaysia yang telah berdaftar adalah seperti berikut:

Pegawai Rakyat Malaysia	468 orang
Pegawai Bukan Rakyat Malaysia	166 orang

Usaha mendaftarkan semua pelaut-pelaut yang bekerja di Malaysia sedang dijalankan. Oleh kerana itu saya tidak dapat memberi angka-angka yang tepat pada masa ini. Pegawai-pegawai yang terdiri daripada bukan rakyat Malaysia itu adalah dari beberapa negara seperti Indonesia, Filipina, Burma, India dan Pakistan. Mereka ini tidak ikat kontrak dengan Kerajaan Malaysia tetapi adalah dilantik secara terus menerus oleh syarikat-syarikat perkapalan.

- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan bagi menambahkan bilangan pegawai-pegawai pelaut dari rakyat Malaysia. Bagi maksud ini Akademi Laut Malaysia di Melaka telah pun ditubuhkan. Satu sistem peperiksaan tempatan telah juga diwujudkan bagi memberi peluang dan galakan kepada pegawai-pegawai tempatan mengambil peperiksaan di negara ini. Selain daripada itu, Kerajaan juga adalah memberi galakan kepada pelaut-pelaut tempatan dengan memberi pengecualian dari pembayaran cukai. Kapal-kapal yang dilesenkan bagi perkhidmatan dalam negeri (Cabotage) adalah juga perlu mengadakan tidak kurang daripada 75% pelaut-pelaut rakyat Malaysia. Langkah-langkah ini adalah bertujuan menambahkan bilangan pegawai-pegawai rakyat Malaysia di atas kapal-kapal Malaysia. Walau

Di samping itu untuk menjaga keselamatan lalulintas dan orang-orang awam, LLM telah menetapkan untuk tidak membenarkan mana-mana orang berada, atau berhenti di atas jambatan, melainkan di tempat yang dibenarkan semasa kecemasan. Walaupun pencegahan dan rondaan 24 jam telah dibuat di jambatan, tetapi LLM tidak dapat mengawasi sepenuhnya seseorang yang mempunyai niat untuk membunuh diri di mana-mana bahagian jambatan yang sepanjang 8.4 km itu.

KUTIPAN HASIL IKLAN RADIO

23. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Penerangan menyatakan adakah benar bahawa hasil kutipan bagi iklan di Bahagian Radio RTM telah berkurangan dari \$7.7m dalam tahun 1983 kepada \$7.0m dalam tahun 1985 dan sekiranya benar, apakah langkah-langkah yang diambil bagi memulihkan kerugian ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kutipan hasil dari pengiklanan radio bagi tahun 1983 adalah sebanyak \$8.9 juta dan bukan \$7.7 juta sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Hasil yang dikutip bagi tahun 1985 pula ialah sebanyak \$8.2 juta.

Perbandingan kutipan hasil bagi tahun-tahun 1985 dan 1983 menunjukkan bahawa hasil tahun 1985 berkurangan sebanyak \$0.7 juta atau 7.9%. Di sini saya suka menegaskan bahawa Radio Malaysia tidak semata-mata bertujuan untuk mendapat hasil yang lebih. Sebagai media komunikasi Kerajaan yang terpenting, Radio Malaysia sentiasa memastikan bahawa rancangannya adalah sesuai dan masa siaran atau "airtime" yang mencukupi dikhaskan untuk tujuan mencapai matlamat RTM iaitu memberi

maklumat, pendidikan serta hiburan kepada pendengar-pendengar radio. Di samping berusaha mencapai objektif-objektif ini, Radio Malaysia juga cuba mengutip hasil untuk Kerajaan. Strategi seperti ini akan terus dilaksanakan. Akan tetapi pencarian hasil dari pengiklanan tidak akan dibenarkan menjadi matlamat utama Radio Malaysia hingga menyebabkan penyelewengan dari matlamat Radio Malaysia yang saya sebutkan tadi.

PASAR TANI

24. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah berjaya dalam usaha membantu petani-petani memasarkan hasil keluaran mereka melalui pasar tani dan langkah-langkah yang diambil untuk memperluaskan penubuhan pasar tani di kawasan-kawasan bandar dan pekan-pekan kecil seluruh negara.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pasar tani dilancarkan pada 31hb Januari, 1985 sehingga bulan Mac 1986, sebanyak 17 buah pasar tani telah diwujudkan. Kesemua pasar tani ini telah berjaya mengendalikan pemasaran hasil-hasil pertanian bernilai \$2.9 juta dengan penyertaan oleh 641 orang petani persendirian dan 75 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)/Persatuan Nelayan (PN) dengan anggaran pengunjung 668,000 orang.

Memandangkan prestasi yang menggalakkan pihak Kementerian telah mengarahkan FAMA memperluaskan projek pasar tani ke bandar-bandar dan pekan-pekan kecil di seluruh negara iaitu sebanyak 16 buah lagi telah dikenalpasti untuk diwujudkan sehingga Disember, 1986 ini.

Langkah-langkah berikut diambil untuk memperluaskan dan memastikan kejayaan pasar tani iaitu:

- (i) mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi merancang dan mengenalpasti tempat-tempat yang strategik untuk pasar tani;
- (ii) menggalakkan projek-projek pengeluaran tanaman bahan-bahan makanan secara berkelompok berhampiran dengan projek-projek pasar tani bagi memastikan bekalan yang berterusan, bermutu dan berpelbagaian;
- (iii) menggalakkan penyertaan dan meningkatkan kesedaran, keupayaan dan kemahiran peserta-peserta pasar tani supaya mereka dapat bersaing dan mempunyai daya tahan dalam bidang pemasaran pertanian di pasar tani; dan
- (iv) mengadakan kempen galakan dan publisiti yang meluas untuk mendapatkan sokongan dari pihak pengguna.

SKIM BARU PERKHIDMATAN PELAJARAN

25. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Skim Baru Dua Sekil akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan adakah Skim tersebut akan memberi faedah kepada semua kategori guru.

Tuan Ng Cheng Kiat: Seperti yang pernah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dahulu Skim Baru bagi Perkhidmatan Pelajaran ini akan dilaksanakan setelah keputusan muktamad mengenainya dicapai.

Cadangan Kementerian Pelajaran ini dijangka dapat memenuhi matlamat yang berikut:

- (a) memberi galakan dan ganjaran;

- (b) menjamin kemajuan kerjaya yang lebih baik; dan
- (c) mengadakan peluang kenaikan pangkat berasaskan pengalaman.

Adalah diharapkan, cadangan dua skim perkhidmatan ini akan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran.

SYARIKAT INSURANS— KAWALAN

26. Tuan Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah peraturan-peraturan kawalan bagi mengawasi Syarikat Insurans di negara ini dan bagaimana kelewatan menyelesaikan kes-kes Insurans itu yang amat ketara.

Tuan Daim Zainuddin: Pengawalan syarikat-syarikat insurans di negara ini dilaksanakan melalui Akta Insurans, 1963 oleh Pejabat Ketua Pengarah Insurans di Kementerian Kewangan. Salah satu matlamat penting pengawalan ini adalah untuk menentukan syarikat-syarikat insurans adalah dalam keadaan solven pada setiap masa untuk menghadapi segala tanggungjawabnya terutamanya berhubung dengan tuntutan insurans. Industri insurans adalah dianggap sebagai pemegang amanah wang orang ramai yang dibuat melalui bayaran premium. Oleh itu pihak Kerajaan sentiasa menentukan bahawa wang yang diterima oleh syarikat-syarikat insurans hendaklah digunakan dengan cara yang sempurna untuk melindungi kepentingan orang ramai. Kedudukan kewangan syarikat-syarikat insurans diawasi melalui cara-cara berikut:

- (i) mengkaji penyata-penyata kewangan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat insurans;
- (ii) memeriksa buku, akaun dan rekod syarikat-syarikat insurans; dan

- (iii) mengadakan sistem Amaran Awal (Early Warning System) untuk mengesan dengan lebih awal syarikat-syarikat insurans yang mungkin menghadapi masalah kewangan.

Pihak Kerajaan juga menentukan bahawa hanya mereka yang layak dan sesuai (fit and proper) sahaja memegang jawatan-jawatan di peringkat tinggi di dalam syarikat. Ini adalah penting untuk menentukan perjalanan syarikat dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Dalam mengawasi syarikat-syarikat insurans, pihak Kerajaan juga menentukan bahawa orang ramai dapat menikmati perkhidmatan yang baik dari syarikat-syarikat insurans, terutama dari segi penyelesaian tuntutan. Dalam hubungan ini satu unit khas telah ditubuhkan di pejabat Ketua Pengarah Insurans, khusus untuk membantu orang ramai yang menghadapi masalah dengan syarikat insurans, terutamanya dalam hal-hal kelewatan menyelesaikan tuntutan. Dalam tahun 1985, unit ini telah mengendalikan 1,018 aduan secara bertulis dari orang awam. Tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas syarikat-syarikat yang didapati lalai menjalankan tanggungjawabnya.

CUKAI PENDAPATAN— STRUKTUR

27. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa kemelesetan ekonomi terus berpanjangan:

- (a) apakah Kerajaan akan menimbang mengurangkan kadar cukai pendapatan perseorangan serta meninggikan elaun perseorangan bagi mengurangkan beban keluarga mereka; dan

- (b) apakah Kerajaan akan menimbang memberi kepada perseorangan yang bermastautin (Resident individual) yang menyimpan wang di bank-bank atau syarikat kewangan pengecualian dari cukai ke atas pendapatan faedah dari simpanannya iaitu membatalkan 5% withholding tax ke atas pendapatan faedah.

Tuan Daim Zainuddin:

- (a) Di dalam Belanjawan 1985 saya telah pun mengumumkan beberapa pindaan ke atas struktur cukai pendapatan yang bertujuan untuk mengurangkan beban cukai ke atas pembayar-pembayar cukai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah ini telah melibatkan pengorbanan hasil sebanyak lebih kurang \$500 juta bagi tahun taksiran 1985. Oleh yang demikian, buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan lagi kadar cukai pendapatan perseorangan ataupun meninggikan elaun perseorangan.
- (b) Pendapatan faedah adalah tertakluk kepada cukai. Sebelum cukai pegangan sebanyak 5% diperkenalkan, pendapatan faedah yang diterima oleh seseorang individu telah dikenakan cukai berdasarkan kadar cukai pendapatan perseorangan di antara 5% hingga 40%. Yang demikian, selain daripada menyenangkan pungutan cukai, cukai pegangan sebanyak 5% yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1986 telah juga mengurangkan kadar cukai yang dikenakan ke atas pendapatan faedah. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak

bercadang untuk membatalkan cukai pegangan tersebut terutama sekali kadar yang dikenakan adalah rendah sahaja.

RUMAH KEDIAMAN ANGKATAN TENTERA

28. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah rumah kediaman Ahli-ahli Angkatan Tentera Malaysia yang telah dibina atau dibeli oleh Kementerian Pertahanan pada tiap-tiap tahun mulai tahun 1981.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sejumlah 7,036 unit rumah kediaman telah disiapkan secara pembinaan atau pembelian rumah kelompok dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat atau dari tahun 1981 hingga tahun 1985 untuk anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia. Pecahan angka mengikut tahun adalah seperti berikut:

1981	550 unit
1982	832 unit
1983	2,520 unit
1984	1,337 unit
1985	1,797 unit
	Jumlah ..	<hr/> 7,036 unit <hr/>

MAHKAMAH MAJISTRET/ SESYEN—KEKURANGAN

29. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada rancangan untuk mengatasi masalah kekurangan Mahkamah-mahkamah Majistret dan Sesyen dan juga kekurangan "support staff" bagi Mahkamah-mahkamah yang wujud telah atau akan dijalankan.

11-4-86

48. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina mahkamah-mahkamah rendah seluruh negara menggantikan bangunan Mahkamah yang dibangunkan sebelum Merdeka sesuai dengan pembangunan negara yang pesat sekarang.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman yang dijadualkan untuk dijawab pada 11-4-1986 memandangkan masalah yang ditimbulkan adalah hampir sama maksudnya.

Kementerian Kehakiman mempunyai rancangan untuk membina sebanyak 8 buah Mahkamah Sesyen dan 20 buah Mahkamah Majistret yang baru dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk mengatasi masalah kekurangan Mahkamah-mahkamah tersebut. Di samping itu juga Kementerian akan mengadakan 10 buah bilik bicara tambahan di Mahkamah-mahkamah yang sedia ada.

Berhubung dengan kekurangan kakitangan sokongan di Mahkamah-mahkamah tersebut pula, sukalah saya memaklumkan bahawa sebanyak 84 jawatan tambahan di semua peringkat telah diluluskan bagi tahun 1986 ini. Kementerian Kehakiman juga sedang memohon sebanyak 646 jawatan sokongan yang baru di semua peringkat bagi tahun 1987.

PERUMAHAN SWASTA— KUOTA BUMIPUTERA

30. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan

bolehkah beliau memastikan komposisi 30 peratus bumiputera di semua rancangan projek perumahan swasta dan adakah Kementerian berkenaan bercadang semua tanah tapak perumahan yang dimiliki oleh bumiputera itu akan didaftarkan sebagai "Tanah Simpanan Melayu".

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak boleh memastikan komposisi (kuota) 30% bumiputera di semua rancangan projek perumahan swasta. Penentuan kuota bumiputera bagi projek-projek perumahan swasta adalah di bawah bidangkuasa budibicara Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Penentuan kuota berkenaan ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri semasa memberi kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan tanah atau semasa meluluskan tanah untuk dimajukan oleh pemaju swasta melalui program penswastaan.

Mengenai pendaftaran semua tanah tapak perumahan yang dimiliki oleh bumiputera sebagai "Tanah Simpanan Melayu", saya tidak dapat memberi jawapan oleh sebab perkara ini adalah di luar bidangkuasa Kementerian saya.

GURU SISWAZAH— UNJURAN

31. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengikut kajian Kerajaan berapakah keperluan tenaga guru sehingga tahun 1990 dengan memberikan angka bagi guru berkelulusan Ijazah dan selanjutnya serta guru berkelulusan Diploma dan setaraf dengannya; dan
- (b) mengapa sejak dan sesudah kita Merdeka 29 tahun sistem guru sementara ini masih wujud lagi. Apakah rancangan Kerajaan

dalam melaksanakan tenaga perguruan ini dapat memenuhi keperluannya secara sempurna.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unjuran keperluan guru siswazah di seluruh negara bagi tahun 1986 hingga 1990 adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Keperluan Guru</i>
1986	23,228
1987	27,007
1988	28,067
1989	29,415
1990	31,513

Guru sementara masih diperlukan sebagai guru ganti bagi guru terlatih yang bersalin, berkursus, meninggal dunia dan meletakkan jawatan dalam penggal persekolahan.

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memenuhi keperluan guru ialah:

- (a) Menambah lebih ramai lagi bilangan guru-guru pelatih di Maktab-maktab Perguruan dan di Universiti-universiti tempatan.
- (b) Meneruskan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang layak dan berpengalaman.
- (c) Mengkaji kemungkinan untuk mengambil semula guru-guru terlatih yang telah bersara tetapi masih sihat dan berminat untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sebagai langkah mengatasi kekurangan guru-guru bahasa.
- (d) Mengisi kekosongan yang ada dengan guru-guru sandaran tanpa latihan.

PELAJAR-PELAJAR ANTI-KERAJAAN

32. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah strategi pihak Kementerian dalam usaha membasmi kekeliruan yang timbul mengenai maklumat perkembangan terbaharu tanahair kepada pelajar-pelajar di luar negeri kerana adalah dipercayai bahawa kegiatan anti-Kerajaan wujud secara berleluasa di kalangan pelajar-pelajar kita berdasarkan kepada berita-berita yang kurang tepat atau palsu mengenai perkembangan di tanahair.

Tuan Ng Cheng Kiat: Adalah tidak benar dakwaan bahawa kegiatan-kegiatan anti-Kerajaan berlaku secara berleluasa di kalangan pelajar-pelajar kita. Kerajaan sentiasa mengawasi segala aktiviti pelajar kita itu dan kita patut bersyukur kerana kebanyakan pelajar sedar akan tugas dan tanggungjawab mereka semasa berada di luar negeri.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memastikan bahawa mereka mengetahui perkembangan-perkembangan sebenar yang berlaku di negara kita adalah seperti yang berikut:

- (1) mengadakan kursus orientasi dan reorientasi bagi semua pelajar;
- (2) membekalkan berita dan maklumat dalam negeri kepada pelajar-pelajar;
- (3) menggalakkan pemimpin-pemimpin tanahair untuk berjumpa dan berdialog dengan pelajar-pelajar;
- (4) menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar Luar Negeri di peringkat Kebangsaan; dan
- (5) memperkemaskan dan memperkukuhkan jentera pentadbiran Jabatan Penuntut

Malaysia untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.

BANJIR KILAT DI BANDARAYA

33. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tiap-tiap kali hujan lebat maka berlaku banjir di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Jika sedar, nyatakan tindakan beliau akan ambil supaya masalah seperti banjir tidak akan berlaku lagi di Bandaraya Kuala Lumpur.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Banjir kilat yang sering berlaku di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh beberapa perkara iaitu:

- (i) Hujan yang berlaku dengan keamatan yang tinggi dalam jangka masa yang singkat. Akibatnya air melimpah daripada longkang-longkang serta juga terjadi aliran balik (backflow) daripada sungai-sungai;
- (ii) Kelodakan di sungai-sungai yang disebabkan oleh kurangnya pengawalan undang-undang Kerja Tanah di luar kawasan Wilayah Persekutuan. Ini mengakibatkan berkurangnya muatan sistem pengaliran sungai dan seterusnya mengakibatkan berlakunya air melimpah dari tebing sungai dan membanjiri kawasan-kawasan rendah; dan
- (iii) Keadaan tebing yang tidak kukuh sepertimana yang telah berlaku pada tebing Sungai Kelang yang telah runtuh akibat tekanan dan hakisan Sungai Kelang.

Kementerian Wilayah Persekutuan memang sentiasa mengambil perhatian yang berat mengenai

kejadian banjir di Wilayah Persekutuan. Dalam perkara ini Kementerian Wilayah Persekutuan telah dan sedang melaksanakan beberapa projek perparitan sebagai langkah-langkah mengelakkan berlakunya banjir kilat di Wilayah Persekutuan. Di samping itu satu pasukan khas (Emergency Squad) yang bertanggungjawab membersihkan sampah sarap di longkang-longkang dan sungai-sungai juga telah dibentuk. Pasukan khas ini telah dapat mengurangkan kemudaratan kejadian banjir di Kuala Lumpur.

Sehingga kini Dewan Bandaraya telah menyiapkan 19 projek perparitan dengan perbelanjaan sebanyak \$26,639,000.00. Di samping itu 4 buah projek lagi sedang dalam peringkat pembinaan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$11,540,000.00. 5 buah projek lagi sedang dalam peringkat rekabentuk dan penyediaan tawaran bangunan dengan anggaran kos sebanyak \$44,370,000.00.

Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan pula telah membelanjakan sebanyak \$15 juta untuk projek perparitan bandar.

EKONOMI NEGARA— MENSTABILKAN

34. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah atau strategi oleh Kerajaan untuk menstabilkan keadaan ekonomi negara sekarang, iaitu selain daripada berjimat cermat yang dikenakan terhadap kakitangan Kerajaan dan agensi-agensi serta Jabatan Kerajaan, yang pada mulanya dijangkakan kadar pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1986 ini sebanyak 6%, tetapi sebaliknya akhirnya dijangka menurun ke paras 3% pula.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap masalah kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa sekarang.

Selain daripada usaha berjimat cermat yang diamalkan oleh Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki kedudukan imbangan pembayaran negara. Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan eksport negara termasuklah meluas dan memperkemaskan lagi skim kredit Pembiayaan Semula Eksport, memansuhkan lesen-lesen eksport, memberi elaun eksport serta mengurangkan kadar bayaran elektrik, perkhidmatan telefon antarabangsa dan bayaran pelabuhan supaya kos dan harga eksport Malaysia dapat bersaing dengan lebih berkesan di pasaran antarabangsa. Pada masa yang sama Kerajaan juga mengambil langkah-langkah mengurangkan perbelanjaan Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan yang boleh menyebabkan peningkatan import yang pesat. Di samping itu, Kerajaan telah pun melonggarkan syarat-syarat pemilikan ekuiti oleh firma-firma asing dan memperkemaskan lagi peraturan-peraturan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 untuk menggalakkan lagi pelaburan dalam negara ini.

Kerajaan juga melalui Bank Negara Malaysia telah semenjak tahun 1985 menurunkan kadar pinjaman asas di bank-bank perdagangan sebanyak dua kali dari 12.25% kepada 11.25% dan seterusnya kepada 10.75%. Di samping itu satu Tabung Pelaburan Baru sebanyak \$1 billion juga ditubuhkan. Tindakan-tindakan seperti ini dijangka dapat membantu keadaan mudah tunai di pasaran wang

dan ini dapat menyumbangkan terhadap pengurangan kos pengeluaran sektor swasta.

Dalam mempergiatkan lagi usaha membendung kesan-kesan kemelesetan ekonomi, Jemaah Menteri telah pun bersetuju dengan perakuan melaksanakan 48 langkah-langkah untuk mengatasi kemelesetan ekonomi yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai kemelesetan ekonomi. Antara langkah-langkah yang penting ialah:

1. Melaksanakan Rancangan Perumahan secara besar-besaran terutamanya Rancangan Perumahan Kos Rendah.
2. Melaksanakan projek kecil dan projek jalan yang memerlukan tenaga pekerja yang banyak, di kawasan bandar dan kawasan luar bandar.
3. Membuka tanah-tanah untuk sektor swasta mengusahakan tanaman-tanaman pokok dan cash crop termasuklah aquaculture.
4. Menggalakkan penggunaan barang-barang buatan tempatan.
5. Melaksanakan usaha-usaha yang lebih gigih untuk menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan.
6. Menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang banyak menggunakan modal, mengambil masa yang lama untuk mendapat pulangan dan memerlukan import yang tinggi.

Perlaksanaan perakuan-perakuan ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Selain dari itu, Kerajaan juga akan terus mengamalkan dasar Berjimat-cermat dan mengawal segala perbelanjaan

dengan ketat, bagi memperkukuhkan lagi keutuhan ekonomi dan kedudukan kewangan Negara.

TOLERANSI TERHADAP AGAMA-AGAMA

35. Tuan Chan Choong Tak minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil dalam usaha untuk menjamin bahawa semua rakyat Malaysia menghargai dan faham iaitu agama-agama utama seperti Islam, Kristian, Buddha dan Hindu yang dianuti oleh pelbagai masyarakat dalam negara kita yang mempertahankan cinta untuk persahabatan, maka tidak sesiapa pun dibenarkan mempergunakan sebarang agama secara salah untuk menimbulkan diskriminasi, keseteruan atau perselisihan di antara rakyat Malaysia.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Kerajaan sentiasa mengingatkan orang ramai supaya bersikap toleransi terhadap agama-agama lain. Ingatan Kerajaan itu diberi melalui aktiviti ceramah, seminar, perbincangan bahan-bahan penerbitan dan juga di majlis-majlis perjumpaan merayakan hari-hari kebesaran agama.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan beragama kepada semua rakyat negara ini dan toleransi serta hormat menghormati agama masing-masing sudah menjadi rukun hidup masyarakat Malaysia sejak zaman berzaman. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat individu-individu yang bertindak liar sehingga menimbulkan perselisihan serta permusuhan di antara penganut-penganut agama berlainan ataupun sesama agama maka tindakan undang-undang di bawah Seksyen 298A Kanun Kesiksaan boleh diambil ke atasnya.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI—KAWALAN

36. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mengenalpasti bentuk-bentuk penyelewengan sebilangan pelajar Malaysia di luar negeri dan nyatakan peratusnya; apakah pula tindakan susulan diambil supaya kegiatan itu tidak berleluasa.

Tuan Ng Cheng Kiat: Melalui Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri Kerajaan sentiasa mengawasi dan mengawal aktiviti-aktiviti pelajar kita serta segala tindak-tanduk mereka semasa mereka menuntut. Untuk memastikan supaya pelajar-pelajar kita itu bertindak selaras dengan kehendak dan hasrat negara, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (1) menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar Luar Negeri di peringkat Kebangsaan;
- (2) memperkemaskan dan memperkukuhkan jentera pentadbiran Jabatan Penuntut Malaysia untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan;
- (3) mengadakan kursus orientasi dan reorientasi bagi semua pelajar;
- (4) membekalkan berita dan maklumat dalam negeri kepada pelajar-pelajar;
- (5) menggalakkan pemimpin-pemimpin tanahair untuk berjumpa dan berdialog dengan pelajar-pelajar.

TANDA ISYARAT DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

37. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar di tempat-tempat membina atau memperbaiki jalan di Lebuhraya Persekutuan tidak ada

diletakkan lampu-lampu isyarat untuk keselamatan dan keadaan ini membahayakan pengguna-pengguna jalan-jalan tersebut. Jika sedar, apakah tindakan yang beliau telah ambil bagi mengatasi perkara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa tempat-tempat membina dan memperbaiki lebuhraya Persekutuan tidak diletakkan tanda-tanda isyarat. Kementerian saya sentiasa memberi perhatian ke atas perkara ini dan sentiasa memastikan tanda-tanda isyarat seperti papan tanda dan lampu isyarat keselamatan diletakkan di tempat-tempat membina dan memperbaiki jalan raya, demi menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Tanda-tanda isyarat itu diletak untuk memberi amaran dan panduan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang melalui jalan yang sedang dibaiki. Tanda-tanda isyarat itu diletakkan pada jarak-jarak yang tertentu dari tempat memperbaiki jalan, supaya pemandu dapat bersedia lebih awal. Jarak-jarak itu adalah seperti berikut, bergantung kepada jenis jalan.

- | | | |
|---|-----------------------------|-----------------------------------|
| (1) Bagi (expressway) Kuala Lumpur-Seremban) | Lebuhraya (seperti Lumpur-) | Jaraknya se-kurang-kurang 1-2 km. |
| (2) Bagi jalan-jalan utama di luar bandar (seperti Kuala Lumpur-Ipoh) dan | | Jaraknya 500 meter |
| (3) Bagi jalan-jalan dalam bandar sekurang-kurangnya 100 meter | | |

Jika tanda-tanda isyarat tidak diletakkan, pekerja-pekerja di arah untuk mengawasi lalulintas dengan menggunakan bendera. Langkah-langkah keselamatan yang diambil itu adalah mencukupi untuk menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

AKTA DADAH BERBAHAYA— PELAKSANAAN

38. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada dengan pelaksanaan Akta Dadah Bahaya 1984 ini telah dapat mengurangkan jenayah yang melibatkan dadah. Jika tidak, mengapa dan jika ia, beri huraian yang lengkap.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Sejak Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dikuatkuasakan pada 15hb Jun 1985, jenayah dadah telah berkurangan dengan tertangkapnya lebih ramai lagi pengedar-pengedar dadah di bawah Akta ini. Dengan tertangkapnya pengedar-pengedar dadah ini keadaan kegiatan pengedaran dadah di dalam negara telah berkurangan. Sehingga 31hb Mac, 1986 seramai 129 orang telah diberkas di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana penglibatan cergas mereka di dalam kegiatan pengedaran dadah. Di samping tindakan ini hanya seramai 6,138 orang penagih baru telah dikesan dalam sepanjang tahun 1985 berbanding dengan 11,915 orang penagih yang dikesan dalam tahun 1984.

Usaha-usaha penguatkuasaan juga telah menyebabkan harga dadah di pasaran gelap telah meningkat dari tahun ke tahun sejak tahun 1983. Dalam tahun 1983, harga borong heroin secara purata adalah \$11,000 sekilo. Dalam tahun 1984, harganya telah meningkat kepada \$16,000 sekilo dan dalam tahun 1985 telah meningkat lagi kepada \$21,000 sekilo, walaupun harga di kawasan pengeluaran terus kekal. Di peringkat "street level", dengan izin, harga satu tiub heroin yang beratnya 0.06 gm telah meningkat dari \$6 hingga \$8 satu tiub dalam tahun 1983 kepada \$10 hingga

\$15 satu tiub dalam tahun 1984. Satu tiub yang sama telah meningkat lagi kepada \$15 hingga \$20 di dalam tahun 1985. Selain daripada itu ketulinan dadah heroin juga telah menurun dari segi peratus kandungan di dalam satu tiub.

Berikutan dengan penguatkuasaan Akta Dadah tersebut pengedar-pengedar dadah antarabangsa yang terdiri dari rakyat Malaysia dan juga bangsa asing kini mengelakkan dari menggunakan Malaysia sebagai negara transit. Dalam usaha mereka mengedar dadah, mereka menggunakan negara-negara jiran yang berdekatan sebagai negara transit, atau berlepas terus ke destinasi mereka.

Penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 juga telah dapat membantu pihak Kerajaan mengawal dan mengurangkan kegiatan jenayah dadah.

PENAGIH DADAH—BILANGAN

39. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bilangan penagih-penagih dadah telah berkurangan pada masa sekarang, jika telah berkurangan, adakah Kerajaan masih memerlukan menambah pusat pemulihan dadah bagi menempatkan penagih-penagih.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Bilangan penagih-penagih dadah yang telah dikesan pada tahun 1983 ialah seramai 14,624 orang dan pada tahun 1984 ialah seramai 11,915 orang. Pada tahun 1985, jumlah penagih dadah yang dikesan buat pertama kalinya telah menurun kepada 6,138 orang sahaja iaitu hampir 50% berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 1984.

Sungguhpun bilangan penagih-penagih dadah yang dikesan sekarang telah berkurangan, namun Kerajaan

masih perlu menambahkan bilangan Pusat Pemulihan Dadah untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada sebilangan besar lagi penagih-penagih dadah yang telah dikesan selama ini, yang berjumlah seramai 110,363 orang sehingga akhir tahun 1985. Pada masa ini Kerajaan mempunyai hanya tujuh buah Pusat Pemulihan Dadah sahaja yang boleh memberi rawatan dan pemulihan kepada seramai hanya 2,050 orang penagih dadah sahaja pada satu-satu masa. Sehingga 31-1-1986 jumlah penagih dadah yang telah dipilih di Pusat-pusat Pemulihan Dadah seramai 10,484 orang sahaja.

BALAI BOMBA DI LANGKAP

40. Tuan Kuan Peng Soon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah sebuah balai bomba akan didirikan di Langkap, Daerah Hilir Perak supaya harta benda penduduk-penduduk sekeliling kawasan Langkap dapat diselamatkan jika berlaku bencana kebakaran.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian awal telah dijalankan oleh Kementerian saya untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang memerlukan balai-balai bomba sebelum Rancangan Malaysia Kelima dirangkakan. Kedudukan ekonomi negara yang meleset telah menyebabkan Kerajaan mengambil keputusan supaya hanya 6 buah balai bomba sahaja diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Kementerian saya sememangnya sedar tentang pentingnya harta benda penduduk-penduduk di negara ini. Walau bagaimanapun, mengenai pembinaan balai bomba di Langkap, Daerah Hilir Perak tidak dapat dilaksanakan buat masa sekarang memandangkan Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan.

Buat masa ini kemudahan kebombaan penduduk-penduduk di kawasan Langkap, Hilir Perak boleh didapati dari balai-balai bomba yang berhampiran seperti Balai Bomba Teluk Intan, Tapah dan Kampar. Kereta-kereta bomba boleh sampai ke kawasan Langkap dalam jangka masa 15-18 minit dari balai bomba berhampiran.

DRAMA TAMIL DI RTM

41. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada RTM akan membuat dan menyiarkan drama dalam Bahasa Tamil, jika ya, bilakah rancangan ini akan dimulakan dan berapa kali ditayangkan dalam seminggu atau sebulan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: RTM banyak menyiarkan drama Tamil menerusi Rangkaian Merah Radio Malaysia. Drama Tamil melalui TV telah disiarkan sempena Hari Deepavali tahun lalu dan sekarang ini pihak Kementerian Penerangan sedang mencari skrip yang sesuai untuk dirakamkan sama ada oleh RTM sendiri mahupun melalui syarikat swasta.

TEMPOH KHIDMAT MENTERI

42. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menentukan bahawa tiap-tiap seorang Menteri hanya dibenarkan berkhidmat selama satu penggal sahaja dengan harapan bahawa lebih ramai pemimpin-pemimpin baru diberi peluang untuk memimpin sebagai Menteri.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Buat masa ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada cadangan untuk menentukan bahawa seorang Menteri hanya dibenarkan berkhidmat selama satu penggal sahaja. Amalan

yang ada sekarang di mana tempoh khidmat seseorang Menteri yang tetap tidak ditentukan didapati lebih sesuai.

PENAGIH DADAH YANG DITANGKAP

43. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak Januari, 1985 hingga Disember, 1985:

- (a) ramai penagih yang telah ditangkap serta dijatuhkan hukuman;
- (b) ramai pengedar yang telah ditangkap serta dijatuhkan hukuman; dan
- (c) kedudukan bilangan yang dihukum mengikut kaum Melayu, Cina dan India.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Semenjak Januari 1985 hingga Disember, 1985, seramai 9,777 orang penagih dadah telah ditangkap dan dituduh di Mahkamah. Di antaranya seramai 1,637 orang penagih telah dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah Kerajaan di seluruh negara. Yang lain telah dikenakan hukuman penjara atau dibebaskan atas jaminan bon ataupun diletak di bawah pengawasan Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah.
- (b) Dalam tempoh yang sama, seramai 538 orang pengedar dadah telah ditangkap dan dituduh di Mahkamah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan 1983). Walau bagaimanapun, pembicaraan ke atas mereka belum lagi selesai.
- (c) Kedudukan bilangan yang dihukum mengikut kaum tidak dapat diberi kerana pembicaraan ke atas mereka belum lagi selesai seperti disebutkan di atas.

KUTIPAN HASIL IKLAN DI RTM

44. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada benar bahawa hasil kutipan tayangan iklan bagi bahagian TV RTM telah jatuh dari \$81.7m dalam tahun 1984 kepada \$80.2m dalam tahun 1985; walhal hasil kutipan tayangan iklan di TV3 telah meningkat dari \$24.9m dalam tahun 1984 kepada \$52.6m dalam tahun 1985 dan sekiranya benar, apakah langkah-langkah yang beliau ambil untuk memulihkan kerugian yang dialami oleh bahagian TV RTM.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kutipan hasil dari pengiklanan televisyen melalui Radio Televisyen Malaysia bagi tahun 1984 adalah sebanyak \$88.8 juta dan hasil bagi tahun 1985 adalah sebanyak \$82.9 juta.

Jika dibandingkan kutipan hasil bagi kedua-dua tahun, didapati bahawa kutipan bagi tahun 1985 telah berkurangan sebanyak \$5.9 atau 6.6%.

Aktiviti pengiklanan RTM sentiasa diawasi. Setelah mengambilkira beberapa faktor, saya berpuashati bahawa prestasi tahun 1985 adalah memuaskan walaupun jumlah kutipan hasil telah berkurangan sedikit. Faktor itu termasuk perkembangan aktiviti TV3 dalam tahun 1985.

Kementerian saya akan cuba mendapatkan "a fair share of the advertising budget". Namun demikian, saya ingin menegaskan bahawa polisi Televisyen Malaysia ialah memberi penerangan, pendidikan dan hiburan. Rancangan-rancangan untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan, bagi mencapai perpaduan kaum dan integrasi nasional akan terus diutamakan. Kadangkala objektif ini bertentangan dengan objektif mencari hasil

pengiklanan. Jika berlaku pertentangan seperti ini, maka objektif mencari hasil tidak diberi keutamaan.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

45. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kerajaan mempunyai sebarang rancangan supaya bahan-bahan yang baru dan murah dapat diguna untuk membina rumah-rumah awam kos rendah dalam rancangan-rancangan rumah-rumah tersebut seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan tidak mempunyai rancangan tertentu untuk menggunakan bahan-bahan binaan yang baru di dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah. Namun demikian, Kerajaan senantiasa menggalakkan sektor perumahan untuk menggunakan bahan-bahan binaan tempatan sama ada lama atau baru, umpamanya bahan-bahan yang diperbuat daripada sisa-sisa pertanian dan perindustrian, terutamanya jika harganya adalah berpatutan, sebagai bahan sampingan kepada bahan-bahan binaan yang lazimnya diguna pada masa ini.

BOT PENUMPANG DI PUSAT PELANCONGAN

46. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan yang akan diambil supaya trajedi bot karam di Pulau Langkawi tidak akan berulang lagi demi untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Seperti saya maklumkan di Dewan Rakyat pada 13-3-1986 mengenai isu yang sama, Kementerian saya sedang

mengambil segala tindakan untuk menjamin keselamatan bot-bot penumpang terutamanya bot-bot penumpang yang terdapat di pusat-pusat pelancongan.

Jawatankuasa Petugas Khas yang ditubuhkan untuk mengkaji secara mendalam semua aspek keselamatan bot-bot penumpang akan membuat laporannya pada pertengahan bulan Mei 1986 ini. Sementara menunggu perakuan-perakuan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa ini semua shahbandar dari Jabatan Laut dengan dibantu oleh Polis Marin telah diarah untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada terutamanya peruntukan-peruntukan mengenai keselamatan bot-bot penumpang. Dari masa ke semasa Jawatankuasa Petugas ini akan membuat perakuan yang boleh dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi aspek keselamatan bot-bot penumpang.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung

kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam". (8hb April, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, saya suka hendak menyatakan iaitu hari ini ialah hari penghabisan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Oleh kerana itu, saya minta Yang Berhormat Ahli-ahli meringkaskan ucapan mereka. Kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sangatlah dihargai.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood menyambung ucapannya.

3.38 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung ucapan saya pada hari semalam dalam menyokong ucapan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari yang dibawa oleh Yang Berhormat saudara saya Encik Hussein Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya akan menyambung berkenaan dengan Kertas Putih Memali, jadi peristiwa Memali ini dan kegiatan Memali ini menyebabkan peristiwa Memali ini bagi negeri-negeri yang bukan duduk di utara dan juga di Pantai Timur Malaysia tidaklah begitu terasa sangat tetapi bagi negeri-negeri yang berada di utara dan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah begitu

berkesan sekali menerima segala tohmah-tohmah daripada pihak yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung mengenai dengan pihak parti politik yang saya sebutkan tadi itu cuba memesonkan pemikiran rakyat. Kadangkala mereka ini membawa rakyat di luar bandar ke lubuk syirik. Maksud saya apabila peristiwa Memali berlaku, segala pelawat-pelawat yang datang ke Memali untuk menziarahi kubur pihak-pihak yang meninggal pada hari kejadian Memali itu, mereka membawa balik tanah untuk dijadikan azimat. Ini menunjukkan adalah satu perbuatan yang syirik, yang telah digalakkan oleh pihak parti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pihak parti politik ini cuba mengajak rakyat supaya menentang Kerajaan. Mereka cuba membawa rakyat supaya membenci Kerajaan dan juga membenci kepada pihak Pasukan Keselamatan. Mereka membukakan kelas-kelas ataupun sekolah-sekolah seperti Kelas TASKI yang mana diajar murid-murid ini supaya menentang Kerajaan. Kadangkalanya murid-murid yang ada di Sekolah Kebangsaan ditarik daripada sekolah itu untuk memasuki Kelas TASKI. Jadi di sini kita berasa sedih kerana pada masa sekarang ini kita berkehendakkan kemajuan, pengetahuan, tetapi pihak parti politik ini cuba menggelapkan mata, cuba memesonkan pemikiran, cuba membawa rakyat kita ini ke zaman yang sebelum merdeka dahulu iaitu zaman penjajah, yang mana rakyat kita tidak mempunyai pelajaran.

Pada masa sekarang ini patut kita menggalakkan rakyat kita supaya mencari pelajaran, menambah pengetahuan dan sebagainya. Tetapi pihak PAS ini sebaliknya menarik keluar anak-anak mereka daripada sekolah, ke sekolah TASKI dan dalam

TASKI ini mereka diajar supaya membenci Kerajaan dan mereka mengatakan bahawa Sekolah Kebangsaan ini adalah sekolah kafir dan sebagainya. Ini berlaku di negeri Kedah dan juga di Pantai Timur, ini yang menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan Kelas-kelas TASKI ini banyak terdapat di negara kita ini dan kelas ini bukan untuk kita hendak menjadikan rakyat supaya cintakan negara kita, tetapi sebaliknya dan kedapatan pada akhir-akhir ini terdapat ada sebuah sekolah agama yang bertopeng agama di negeri Melaka, yang mana sekolah ini telah diajar oleh pihak-pihak guru daripada parti yang berkenaan supaya menentang Kerajaan.

Saya berasa hairan mengapa Kerajaan membiarkan perkara ini berlarutan, mengapakah tindakan tidak diambil, kerana ini akan menjejaskan keselamatan negara kita dan perpaduan rakyat kita. Saya berserulah kepada pihak Kerajaan dan mengesyorkan supaya tindakan diambil dengan seberapa segera yang boleh supaya perkara ini tidak akan tersebar begitu luas dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya berasa hairan bagaimana kaset-kaset ucapan oleh pemimpin-pemimpin PAS yang betul-betul, terang-terang menentang Kerajaan, memaki-hamun pemimpin kita, tetapi kaset-kaset itu sedang disebar dengan begitu luas sekali dalam negara kita ini. Mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan kerana ini boleh memecahkan perpaduan rakyat di negara kita ini. Dan saya berseru kepada pihak yang berkenaan iaitu Kementerian yang berkenaan supaya mengambil tindakan dengan seberapa segera, supaya perkara ini tidak akan merebak di tempat-tempat yang lain, selain daripada negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa peristiwa Memali yang berlaku tempoh hari itu adalah disebabkan oleh pihak PAS. Parti politik PASlah yang bertanggungjawab dalam peristiwa Memali ini. Saya harap pihak Kerajaan tidak akan menerima syor daripada pihak PAS supaya mengadakan satu Jawatankuasa Siasatan Di-Raja kerana mereka tidak percaya kepada Kertas Putih yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Walau apa sekalipun, walau apa Jawatankuasa sekalipun yang dibuat oleh mana-mana pihak, terutama sekali oleh pihak Kerajaan yang menyalahkan pihak PAS, yang menyebabkan perkara Memali berlaku, pihak PAS tidak akan percaya, tidak akan terima, kita cuma rugi wang ringgit sahaja kalau hendak adakan Jawatankuasa Siasatan Di-Raja dan sebagainya. Kertas Putih itu memadai dan rakyat sekarang telah pun sedar bahawa peristiwa Memali ini adalah disebabkan oleh PAS sendiri dan PASlah yang bertanggungjawab di atas peristiwa berdarah yang berlaku tempoh hari dan kita berharap tindakan-tindakan sewajarnya patut diambil kepada pihak yang tertentu supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi, peristiwa yang begini sedih ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada pihak Pasukan Keselamatan kerana telah menjalankan tugasnya dengan begitu baik dan menjaga keselamatan di negara kita ini, yang terkenal dengan negara yang aman dan damai, tidak ada kacau-bilau dan sebagainya, oleh yang demikian kita patut memberi penghargaan kepada pihak Pasukan Keselamatan. Oleh kerana sekarang ini ekonomi meleset, kita tidak dapat hendak menambah pendapatan mereka dari segi bulanan, tetapi saya syorkan kepada pihak Kerajaan supaya memberi peluang kepada pegawai-pegawai kanan ataupun pegawai-pegawai polis untuk melawat

keluar negeri dengan dibiayai oleh pihak Kerajaan supaya dapat mereka melapangkan fikiran mendapatkan idea-idea baru dan juga mendapat pengalaman di luar negeri untuk kepentingan negara kita ini. Saya berharap perkara ini patut diambil berat oleh pihak Kerajaan, supaya dapatlah memberi peluang kepada pegawai-pegawai untuk melawat keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit berkenaan dengan Kertas Putih BMF. Kita mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penyiasatan yang diketuai oleh Tan Sri Dato Ahmad Noordin yang telah dapat mengesan orang-orang yang tertentu, yang mana pegawai-pegawai yang berkenaan yang telah diberi amanah oleh pihak Kerajaan supaya mengendalikan bank ataupun BMF ini, tetapi mereka telah mencuaikan kerja mereka dan mereka telah tidak menjalankan amanah dan ini satu perkara yang berat terhadap negara kita. Mereka ini patut dihukum seberat-beratnya kerana telah tidak menjalankan amanah yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan kita berasa kesal kerana mereka ini bukan orang-orang kampung yang tidak ada pelajaran, mereka ini ada pelajaran, tetapi kerana tidak ada amanah, maka telah menjahanamkan keadaan negara kita dengan begitu banyak wang yang telah diberi pinjaman kepada pihak yang berkenaan. Kalau kita teliti dalam Buku Laporan BMF ini, kita dapati banyak orang-orang yang lain yang terlibat yang telah dimasukkan dalam laporan itu.

Di sini saya berasa kesal kepada pihak Jawatankuasa ini kerana saya dapati dan teliti bahawa Pengerusi Jawatankuasa ini iaitu Tan Sri Dato Ahmad Noordin sendiri terbawa-bawa dengan puji-pujian yang diberi kepada beliau, semasa beliau menjalankan tugasnya. Di sini kita rasa Pengerusi yang berkenaan telah

ghairah dengan publisiti-publisiti yang ditonjolkan oleh rakyat terhadap beliau sendiri. Jadi oleh kerana keghairahan dan juga puji-pujian yang telah dilemparkan kepada beliau, beliau telah melibatkan banyak pemimpin-pemimpin ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, yang mana nama mereka telah tercatat dalam laporan itu, tetapi dengan alasan-alasan yang tidak logik.

Ini menunjukkan bahawa Tan Sri Ahmad Noordin ataupun Jawatankuasanya ini tidak meneliti dengan betul-betul nama-nama mereka yang terlibat. Kalau mendapat sesuatu surat pun dimasukkan ke dalam Laporan itu tanpa diberitahu kepada pihak yang berkenaan dan tidak membuat siasatan lanjut kepada pihak yang berkenaan. Ini yang kita kesalkan kerana Jawatankuasa ini ghairah dengan publisiti-publisiti yang saya sebutkan tadi.

Saya berharap perkara ini tidak akan beraku lagi kerana perkara ini adalah perkara yang berat. Sesuatu yang kita hendak melibatkan seseorang mesti kita siasat dengan lebih teliti dengan orang-orang yang berkenaan. Saya rasa pihak Jawatankuasa ini juga mungkin terpengaruh dengan satu-satu pihak untuk menjatuhkan satu-satu pihak yang lain. Inilah kelemahan-kelemahan yang terdapat pada Jawatankuasa Penyiasatan BMF ini. Saya berharap juga perkara ini akan dapat disedari oleh rakyat sekalian kerana Kerajaan bukan tidak bersetuju dengan Jawatankuasa ini tetapi Kerajaan sentiasa berkehendakkan kepada orang-orang yang terlibat dalam skandal BMF ini dan pihak Jawatankuasa dapat juga membuktikan beberapa orang yang terlibat di dalam isu BMF ini.

Walau bagaimanapun perkara-perkara yang saya sebutkan tadi itu adalah menyedihkan kerana nama

pegawai-pegawai yang lain, orang-orang perseorangan, pihak pemimpin dan pegawai-pegawai Kerajaan yang mana nama mereka telah tercatat di dalamnya tetapi dengan tidak diteliti begitu halus dimasukkan ke dalam Laporan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja sambungan ucapan saya dan saya sekali lagi menyokong penuh Usul yang dibawa oleh saudara saya berhubung dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya sudahi dengan terima kasih.

Tuan Tiong Hlew King: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Saya hendak memberi peluang kepada Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said—Ladies first, if you don't mind, one or two, then yourself.

3.53 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menghadapi masa-masa kegeringan percambahan ekonomi yang menggugat kesejahteraan negara dan rakyat Malaysia kita bersyukur ke hadrat Illahi akan kesungguhan Kerajaan di dalam usaha-usaha mengatasi masalah yang dihadapi sekarang ini. Pertumbuhan ekonomi sebanyak 6% dalam Rancangan Malaysia Keempat yang telah lalu telah memberi satu gambaran akan keteguhan ekonomi kita jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Kepastian kegiatan ekonomi dan kesungguhan dari semua pihak serta dorongan dari Kerajaan pasti akan dapat diperbaiki keadaan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, konsep Penswastaan dan Persyarikatan Malaysia secara amnya akan menimbulkan suatu kesan positif ke atas masalah-masalah pokok seperti kemelesetan ekonomi, pengangguran dan kebanyakannya. Kita yakin dan percaya Kerajaan telah pun menyusun beberapa strategi sama ada jangka pendek atau jangka panjang mengenai perkara-perkara seperti:

(a) Pengwujudan pekerjaan-pekerjaan di mana belia-belia yang masih menganggur itu dapat melibatkan diri mereka di dalam projek-projek perumahan kos rendah yang akan dilancarkan oleh Kerajaan dengan kerjasama pihak swasta. Dalam aspek ini banyak peluang pekerjaan seperti penyusunan batu-bata, pembancuhan simen, pendawaian, tukang memasang paip dan berbagai-bagai lagi akan dapat diisikan oleh mereka-mereka yang masih menganggur dan tidak memilih pekerjaan yang dapat diberikan. Latihan-latihan di IKM juga perlu diperbanyakkan.

(b) Pembangunan pertanian di mana belia-belia kita juga yang menganggur boleh mengambil bahagian di dalam projek-projek tanaman koko; daun tembakau dan lain-lain lagi. Perkembangan industri kecil di seluruh negara boleh memberi pekerjaan kepada belia-belia kita yang berminat di dalam lapangan ini—negara kita sedang menuju ke arah penambahan penduduknya kepada angka 70 juga dan lebih banyak lagi bermakna pembuatan Malaysia akan dapat dikeluarkan melalui industri-industri kecil ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap semua kaum terutama sekali Bumiputera harus memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan demi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Kerajaan telah dan sedang mengambil segala daya usaha ke arah pencapaian dasar tersebut demi kepentingan negara dan rakyatnya yang berbilang kaum bagi menjamin kemakmuran dan kestabilan politik dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbentuknya Pelan Induk Perindustrian dan Dasar Pertanian Negara menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengambil sikap dan inisiatif dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan hal yang demikian, rakyat jelata haruslah tidak menimbulkan isu-isu yang boleh memecahkan kemandirian perpaduan rakyat. Integrasi nasional dan perpaduan rakyat akan dapat menjamin kestabilan politik dan ekonomi negara ini menjadi sebuah negara yang progresif dan berharmoni.

Pelbagai penglibatan negara kita di dalam peringkat antarabangsa telah mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani di rantau ini dan bersama-sama ASEAN dan melalui konsep ZOPFAN iaitu Konsep Aman, Bebas dan Berkecuali kita akan menghasilkan suatu keadaan yang akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan negara di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memaparkan kepada dunia bahawa Malaysia adalah anggota yang bersuara aktif terhadap pergolakan dunia sekelilingnya. Negara kita tidak juga ketinggalan dalam aktiviti pertubuhan-pertubuhan Islam di peringkat antarabangsa dan di peringkat dalam negeri pula telah banyak diusahakan oleh Kerajaan seperti Pusat Islam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap segenap lapisan masyarakat di negara ini akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Kerajaan akan dapat mengatasi segala cabaran bagi kepentingan rakyat jelata. Hanya melalui sokongan rakyat yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan sahajalah maka Malaysia akan terus wujud sebagai sebuah negara yang maju dan makmur di dunia dan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit mengenai isu BMF—sedikit sahaja. Skandal BMF adalah peristiwa hitam dalam sejarah negara kita kerana beribu-ribu juta ringgit telah lesap melalui pinjaman kepada syarikat-syarikat yang mencari keuntungan di Hong Kong. Kita mungkin sedar bahawa BMF itu adalah sebuah institusi kewangan yang besar dengan objektifnya untuk mencari keuntungan di luar negeri.

Saya fikir BMF boleh mendapat keuntungan yang besar jika ia ditadbirkan dengan betul mengikut proses undang-undang bank dan sistem pinjam-meminjam yang tersusun rapi. Tetapi malang, Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1979 lagi BMF telah meluluskan pinjaman-pinjaman kepada pelanggan-pelanggannya di Hong Kong. Orang awam yang tidak begitu faham dengan sistem bank mungkin tidak menyangka bahawa penipuan dan pecah amanah boleh berlaku dalam BMF. Kini laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat BMF telah membentangkan secara panjang-lebar bagaimanakah penipuan itu dirancang secara profesional oleh orang-orang BMF sendiri yang menyebabkan kerugian beribu-ribu juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengikuti laporan BMF tersebut, kita berpendapat bahawa banyak perkara telah diselewengkan seperti:

- (a) Pinjaman-pinjaman luar biasa telah diluluskan kepada syarikat-syarikat kosong yang dikendalikan oleh ahli-ahli perniagaan yang telah muflis (bankrap) di Hong Kong.
- (b) Pinjaman-pinjaman telah diluluskan dengan begitu mudah tanpa membuat rujukan dan mendapat kelulusan dari Ahli-ahli Lembaga Pengarah BMF.
- (c) Wujudnya pakatan atau komplot dalam BMF sendiri dan kunci-kuncunya di Hong Kong untuk mencari wang dan keuntungan bagi kepentingan diri sendiri.
- (d) Mendorong pembelian dan penjualan hartabenda di Hong Kong melalui pinjaman dari BMF semata-mata untuk mendapat keuntungan bagi diri mereka sendiri.
- (e) Pembelian saham-saham dan hartabenda-hartabenda di luar negeri melalui pinjaman-pinjaman yang tidak sah dari BMF.
- (f) Pinjaman-pinjaman yang dirancang untuk tujuan menipu dan memberi keuntungan kepada mereka yang merancangnya.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita pernah dengar skandal Bank Rakyat dan mujurlah pihak Kerajaan campurtangan di dalam menyelamatkan bank tersebut tetapi kali ini sebuah bank yang menjadi kebanggaan bumiputera dan Kerajaan telah dilanda bencana akibat perbuatan curang oleh orang-orang yang kita percayai beramanah. Yang lebih malang sekali ialah orang-orang

ini adalah para profesional yang sanggup mengkhianati negara dan bangsanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, BMF ini bukan satu institusi kewangan yang kecil di mana kelemahan-kelemahan boleh berlaku dan dimaafkan, akan tetapi BMF ini adalah ditadbirkan dan diawasi oleh beberapa peringkat iaitu daripada Juru Audit Dalam, Juru Audit Luar, Lembaga Pengarah Jawatankuasa Pengawasan yang mempunyai kuasa terhadap ahli-ahli lembaga pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan juga Bank Bumiputra mempunyai objektif-objektif yang murni, mewujudkan institusi kewangan ini tidak lain dan tidak bukan ialah memenuhi hasrat Kerajaan dan rakyat, khususnya bumiputera di dalam mempertingkatkan ekonomi melalui perniagaan dan pelaburan di dalam dan di luar negeri.

Adalah tidak menjadi kesalahan wang itu dilaburkan di mana sahaja asalkan secara menjamin wang dan yang dipinjamkan itu menurut peraturan-peraturan yang tertentu, akan tetapi wang yang berjuta-juta ringgit BMF dilesapkan mengikut hawa nafsu orang-orang yang telah kita percayai beramanah. Mereka bersikap bersih dan cekap. Apa yang mereka lakukan itu semata-mata untuk menjadi kaya-raya menerusi penipuan yang dirancang. Mereka telah merancang sebegitu rupa sehingga menyulitkan kita untuk mengesan bukti dan keterangan apabila penipuan besar-besaran itu terbongkar.

Tuan Yang di-Pertua, istilah rugi di dalam perniagaan bukanlah mustahil, akan tetapi kerugian itu mestilah disebabkan dengan faktor yang boleh diterima logik dan munasabah. Wang yang berjumlah lebih dari \$2 billion itu

boleh dikatakan rugi, mungkin tidak dapat diterima akal sama sekali kerana kerugian di dalam skandal BMF sebenarnya ialah tipu-helah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada orang awam yang kurang faham mengenai sistem pinjaman akan merasa begitu senang hati apabila melihat orang-orang yang dilantik menjadi Ahli-ahli Lembaga Pengarah BMF terdiri daripada mereka yang profesional dan mahir di dalam bidang masing-masing. Kerajaan dan rakyat menaruh kepercayaan yang penuh kepada mereka kerana bidang kepakaran mereka itu akan dapat mentadbirkan BMF ke arah pencapaian objektif asalnya. Akan tetapi sungguh malang kerana segala harapan dan kepercayaan Kerajaan dan rakyat kepada mereka itu hancur-lebur, bak kata: nasi sudah menjadi bubur.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita membincangkan bagaimana Kerajaan dapat mengeluarkan bijak-pandai di dalam bidang ekonomi, guaman, perakaunan dan sebagainya. Sekarang bumiputera yang berkelayakan di dalam profesional telah melimpah di dalam negara kita. Kita merasa bangga dan megah melihat kaum bumiputera itu telah maju di dalam bidang akademik. Kepada orang-orang kampung, orang-orang yang bijak-pandai ini dianggap sebagai gergasi yang boleh berkhidmat kepada negara dan rakyat dengan sistematik dan produktif. Mereka ini adalah perancang untuk pembangunan negara kita di masa akan datang dan kita menaruh penuh kepercayaan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah orang-orang ini sanggup melakukan salahguna kuasa dan penyelewengan yang menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa konsep dan kepercayaan, seperti "Kepimpinan Melalui Teladan", "Bersih, Cekap dan Amanah",

"Berkhidmat Untuk Bangsa dan Negara" dan berbagai-bagai lagi cogan kata sebagai garis panduan kepada semua kakitangan Kerajaan dan swasta dari peringkat bawah hinggalah ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dalam skandal BMF itu menunjukkan bahawa istilah institusi kewangan ini telah dimonopoli oleh orang-orang yang tamak dan pengkhianat kepada ekonomi negara. Sebagai contoh, adalah menjadi luar biasa jika pinjaman yang berjumlah berjuta-juta ringgit itu diluluskan berturut-turut iaitu dua pinjaman dalam satu masa (kerana saya sudah membaca laporan itu), walaupun pinjaman yang pertama belum selesai dibayar hutangnya, pinjaman-pinjaman yang berulang-ulang itu tidak pula disokong dengan jaminan-jaminan menurut peraturannya. Ini semua telah berlaku dengan sewenang-wenangnya dalam BMF tanpa diambil tahu oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah menunjukkan bahawa kegagalan sesuatu projek atau bank adalah disebabkan tidak ada amanah kerana apabila tidak ada amanah dan manusia gilakan kekayaan, mengikut hawa-nafsu, mereka sanggup melakukan apa sahaja. Itulah kalalu undang-undang lemah, mereka akan menggunakan kelemahan itu secara halus supaya diperbuat jenayah itu tidak dapat dikesan kerana mereka boleh memutarbelitkan atau memusnahkan bukti dan keterangan. Walaupun perbuatan curang mereka terbongkar, mereka yakin akan selamat dari tindakan undang-undang.

Dalam negara kita yang mengamalkan demokrasi mereka yang dituduh tidak dianggap dan tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah atau dibuktikan kesalahannya. Maka

di celah-celah peruntukan undang-undang seperti inilah mereka akan cuba sedaya-upaya mendapatkan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF ini tidak seharusnya kita anggap sebagai kes jenayah biasa yang mana hukumannya terlalu ringan di bawah peruntukan Kanun Keseksaan. Sebagai pengkhianat dan pemecah amanah kepada negara, orang-orang yang ada kaitan dengan BMF mestilah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sebagai langkah yang tegas dan positif untuk membolehkan Kerajaan membuat penyiasatan yang lebih terperinci lagi untuk mendapat maklumat-maklumat daripada mereka mengenai tercetusnya skandal BMF.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka lebih daripada 28 tahun dan sangat matang dengan masalah-masalah besar yang dihadapi oleh negara. Adalah tidak mustahil Enakmen-enakmen yang anti-Kerajaan atau menentang Kerajaan mungkin juga memainkan peranan mereka untuk menggoncangkan kestabilan politik dan ekonomi negara ini. Malaysia telah berjaya dalam berbagai lapangan termasuk kestabilan politik dan ekonomi dan mungkin elemen-elemen ini tidak merasa senang hati dengan kejayaan negara kita. Apa yang seharusnya kita lakukan ialah rakyat jelata mestilah berdiri teguh di belakang Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dengan perpaduan kuat rakyat dan Kerajaan, kita akan dapat mengambil tindakan-tindakan yang tegas terhadap orang-orang yang sanggup menipu dan menyebabkan lesapnya berjuta-juta ringgit wang BMF.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari tindakan Undang-undang yang akan diambil itu, kita perlu mengkaji semula Undang-undang Bank dan peraturan-peraturan pinjaman

khususnya mengenai peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa budi bicara untuk meluluskan permohonan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu lagi melihat skandal seperti BMF ini berulang lagi di masa-masa akan datang di mana orang-orang yang tidak beramanah boleh mencari kekayaan melalui penipuan. Undang-undang mengenai pengawalan bank dan peraturan-peraturan pinjaman itu mestilah diperkemaskinikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai isu Memali. Peristiwa yang telah berlaku di Memali itu adalah suatu bukti yang nyata bahawa wujudnya kumpulan-kumpulan pelampau agama di bawah pimpinan Allahyarham Ibrahim Libya. Aktivitinya yang berupa pelampau itu telah bergerak di belakang tabir agama seolah-olah mereka itu berjuang kerana agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa berdarah di Memali itu boleh dielakkan jika sekiranya mereka yang dikehendaki Polis memberi kerjasama mengikut lunas Undang-undang. Sebaliknya kumpulan pelampau agama itu masih berpegang teguh dengan perjuangan mereka iaitu dengan menegakkan agama Islam. Apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka telah cuba untuk menjadi juara bagi kepentingan kumpulan mereka sebagai parti Pembangkang dengan berpura-pura sebagai pejuang-pejuang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tidak mustahil jika kita katakan bahawa kumpulan ini memang berhasrat untuk mempengaruhi orang-orang Melayu supaya membenci Kerajaan dengan menggunakan agama dan menumbangkan Kerajaan yang ada sekarang dengan cara kekerasan. Kejadian di Memali itu adalah juga

merupakan satu rancangan orang-orang yang tertentu bertujuan untuk meneruskan perjuangan politik mereka dengan menggunakan sokongan rakyat di Memali. Pemimpin-pemimpin kumpulan yang mencetuskan peristiwa berdarah itu adalah penyokong-penyokong parti politik yang menentang Kerajaan yang memerintah pada masa ini yang mana orang lain dari kumpulan mereka dikatakan kafir.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini seharusnya melihat peristiwa Memali itu dari beberapa sudut sebelum menyalahkan tindakan Kerajaan kita di Memali. Apakah sebenarnya peristiwa berdarah di Memali itu boleh berlaku. Dalam hal ini sebilangan kecil dari masyarakat di Memali telah diperdayakan oleh Allahyarham Ibrahim Libya yang telah diterima dan dihormati oleh mereka sebagai seorang guru agama. Tidak boleh dinafikan bahawa segala huraian dan syarahan dari seorang guru agama itu akan diterima dan dipatuhi tetapi bukan semua rakyat di Memali dapat diperdayakannya kerana rakyat kita sudah merdeka lebih dari 28 tahun dan sudah matang dengan telatah-telatah ahli-ahli politik dari parti-parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita di Memali iaitu sebuah kampung pendalaman di daerah Baling, Kedah, ialah orang-orang yang inginkan kepada keamanan dan hidup rukun dan damai. Belum pernah berlaku peristiwa berdarah pada masa yang lampau dan rakyat di situ tidak pula ketinggalan dalam menikmati pembangunan di kawasan tersebut. Pada masa yang lalu kita tidak pernah mendengar orang Melayu mengatakan orang Melayu yang lain sebagai kafir kalau tidak berkawan dengan mereka. Rakyat kita pada masa itu senantiasa hidup rukun dan damai dan mengamalkan konsep tolong menolong. Akan tetapi sungguh

malang kerana sebilangan kecil rakyat di Kampung Memali itu mulai merasa resah dan kehidupannya pun tidak tenteram disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin politik yang melampau. Dahulu tidak timbul sembahyang dua imam atau kafir mengkafir dan apabila ada kenduri perkahwinan, ramai sanak saudara, sahabat dan rakan menghadiri majlis perkahwinan dengan penuh mesra. Begitu juga apabila ada kematian dan sebagainya kampung masyarakat itu sanggup bekerjasama membantu satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, politik yang diamalkan oleh segelintir pemimpin-pemimpin itu telah berjaya memecah-belahkan perpaduan rakyat di Memali semenjak tibanya seorang guru agama di Memali. Keadaan aman damai itu telah berubah menjadi muram. Kita tidak menentang dan menghalang guru-guru agama memberi syarahan agama kepada masyarakat Islam di mana-mana sahaja, tetapi kita tidak boleh membiarkan mereka itu melakukan penyelewengan dengan menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita setiap masa menghormati kedaulatan undang-undang sebagai teras Rukunegara. Berlandaskan kepada undang-undanglah Kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya di Memali, tetapi disebabkan suasana pada masa itu terlalu genting, kematian tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang telah berlaku di Memali itu adalah hasil dari pengaruh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang yang sungguh bijak dalam memutar belitkan kenyataan yang sebenar melalui dakyah-dakyah mereka itu. Segala rancangan Kerajaan sama ada bagi jangka pendek atau jangka panjang bagi faedah jenerasi sekarang

dan untuk jenerasi akan datang, dipandang dari sudut negatifnya sahaja. Pendek kata apa sahaja projek yang dirancang oleh Kerajaan dikatakan tidak baik belaka.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Islam di negara ini telah menerima fatwa yang telah dibuat oleh Majlis Fatwa Negeri Kedah mengenai mati syahid, akan tetapi pemimpin-pemimpin parti Pembangkang iaitu PAS dengan lantang menentang keputusan Majlis Fatwa tersebut. Mereka menggunakan pengaruh dan putar belit mereka menentang keputusan fatwa tersebut. Ramai orang membuat kesimpulan bahawa oleh kerana Allahyarham Ibrahim Libya itu dari parti Pembangkang maka seburuk manapun pemimpin-pemimpin parti Pembangkang tetap menyebelahi orang-orangnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang mengapakah pemimpin-pemimpin parti Pembangkang itu menentang keputusan Majlis Fatwa tersebut. Kononnya Majlis Fatwa tersebut tidak menurunkan hujah-hujah yang lengkap tetapi apakah mereka bersedia menerima jika Majlis Fatwa itu mengeluarkan hujah-hujah yang lengkap tetapi bertentangan dengan hujah-hujah mereka. Masyarakat Islam di Malaysia seperti terbangun lakunya apabila pemimpin-pemimpin Pembangkang sanggup menentang Majlis Fatwa sedangkan Majlis itu mempunyai kuasanya tersendiri. Sebenarnya mereka yang mengetahui mengenai hukum agama ialah yang berani menentang Majlis Fatwa itu. Biadapkah atau pelampaukah mereka itu, Tuan Yang di-Pertua.

Sesungguhnya kita tidak boleh meletakkan satu hukum sebelum kita melihat sejarah fatwa itu sendiri. Sebenarnya peranan Majlis Fatwa yang dipertikaikan itu menurut sejarahnya bukanlah pertama kalinya berlaku kepada pemimpin-pemimpin

Pembangkang yang tertentu itu dan fatwa yang diterbitkan oleh Majlis Fatwa di serata negeri di Malaysia bukanlah tidak pernah disanggah atau dipertikaikan sekiranya kita mahu melihat dari sudut sejarah. Oleh itu bila mereka mempertikaikan keputusan Majlis Fatwa itu bukan soal baru tetapi dakyah-dakyah mereka semata-mata untuk memutar belitkan kenyataan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa Memali itu telah membuktikan bahawa kumpulan-kumpulan pelampau adalah satu ancaman kepada negara. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan di kawasan Memali itu adalah berunsur ancaman kepada keamanan negara kita.

Perjuangan mereka bukan untuk menegakkan agama Islam akan tetapi mempunyai motif politik mereka. Mereka cuba menjadi pelindung dan juara kepada kumpulan-kumpulan mereka seolah-olah perjuangan mereka adalah untuk agama walaupun kecil kumpulannya tetapi mereka mempunyai harapan yang besar iaitu untuk merampas kuasa pemerintahan negara ini melalui kekerasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa gembira kerana akhir-akhir ini rakyat di Memali telah ketahui keadaan yang sebenarnya mengapa mereka telah diperdayakan oleh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang. Mereka ini sedar bahawa Kerajaan yang memerintah pada masa ini telah banyak berjasa kepada rakyat dan negara walaupun rakyatnya berbilang kaum dan agama, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan sedikit demi sedikit peranan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan. Banyak lagi akan dilakukan oleh Kerajaan dan apa yang wajar dilakukan oleh bijak pandai agama di negara ini ialah memberi kerjasama kepada Kerajaan membaiki kelemahan-kelemahan atau membuat pembaharuan dari semasa ke semasa melalui teguran atau kritik

yang membina dan dengan melibatkan diri mereka secara langsung dan tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita berkehendakkan orang-orang yang bijak pandai dalam agama Islam berganding bahu menyatupadukan umat Islam, perpaduan yang kuat akan memperkokohkan keadaan politik dan ekonomi kita. Umat Islam di negara ini sangat dahagakan ceramah-ceramah yang bernas untuk dijadikan panduan hidup dan perpaduan umat Islam itu sendiri. Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan setiap umat Islam di negara ini mematuhi perintah umat Islam iaitu kita semua mestilah bersatupadu dengan segera, kerana kalau kita masih berpecah-belah dan bertentangan rakyat yang tidak berdosa akan menjadi korban dan mangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap rakyat negara ini akan memahami keadaan yang sebenar mengenai peristiwa Memali dan rakyat tidak seharusnya terpengaruh dengan dakyah-dakyah orang-orang yang menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah berjanji dengan Yang Berhormat Puan Mazidah memberikan ucapannya.

4.24 ptg.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan atas pertimbangan Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk julung-julung kali bangun di Dewan yang mulia ini bagi menyokong usul mempersembahkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa Membuka Penggal Keempat Parlimen Keenam pada 10hb Mac, 1986 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana inilah kali pertamanya saya bangun berucap di Dewan yang mulia ini, izinkan saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan kasih atas perlantikan saya sebagai anggota Dewan yang mulia ini dan merakamkan kesyukuran saya atas penghormatan yang diberikan kepada saya ini dan dengan izin Allah, saya akan cuba menjalankan tugas saya dan memberikan apa jua yang terupaya bagi saya demi memastikan penglibatan dan sumbangan yang akan saya berikan itu sedikit sebanyak dapat memberikan faedah dan manfaat dalam apa jua usaha Kerajaan untuk membangun dan memajukan negara tercinta ini demi untuk mencapai matlamat kita bersama untuk mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur yang dapat menjamin kehidupan yang selesa dan bahagia bagi setiap rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah ringkas tetapi padat dan dengan sekali imbas memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai keadaan negara kita, masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang sedang dan akan kita hadapi menjelang tahun 2000 ini.

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga dapat dijadikan sebagai asas dan garis panduan yang sepatutnya kita gunakan untuk mendapatkan ilham dan idea-idea bagi kita mengemukakan syor dan saranan dan juga sebagai asas memperbincangkan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan bagi

mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dan memperkokohkan ketahanan kita menghadapi cabaran-cabaran semasa yang begitu meruncing, yang bukan sahaja istimewa ataupun unik bagi negara kita malahan bagi keseluruhan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang amat dititikberatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam Titah Ucapan Baginda ialah mengenai pertumbuhan ekonomi negara kita yang lembab yang mengakibatkan bukan sahaja munculnya masalah-masalah ekonomi negara semata-mata tetapi juga munculnya masalah-masalah lain yang menyentuh setiap bidang kehidupan kita dari masalah pengangguran hinggalah kepada masalah terjejasnya prestasi kita sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan akhirnya menjejaskan juga matlamat murni Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini ada beberapa aspek yang utama dari Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ingin saya perkatakan dengan harapan ianya dapat kita pertimbangkan bersama dan mudah-mudahan sesuatu yang baik dan positif dapat dihasilkan darinya. Aspek yang pertama, yang menarik perhatian saya ialah Titah saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya Kerajaan terus mengamalkan dasar berjimat cermat dan berhati-hati dalam menguruskan ekonomi negara. Pada pendapat saya dasar berjimat cermat dan berhati-hati ini bukan sahaja harus dipertekankan dalam pengurusan ekonomi malahan harus dilakukan dan dipertekankan juga kepada apa juga keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam apa bidang dan aspek sekalipun. Misalnya dalam keputusan ataupun tindakan-tindakan politik, sosial, soal-soal keagamaan, pelajaran, hubungan antarabangsa dan malahan apa juga

keputusan dan tindakan pengurusan yang boleh mendatangkan akibat-akibat yang tidak diingini atau yang akhirnya mencengkam kita sendiri.

Dasar berjimat cermat dan berhati-hati ini dalam apa jua perkara yang kita lakukan sebaik-baiknya hendaklah disertakan pula dengan usaha meninjau dan mempertimbangkan sama ada sesuatu keputusan dan tindakan yang telah diambil atau yang telah dilaksanakan itu benar-benar menghasilkan kesan dan akibat yang dijangkakan atau sebaliknya.

Satu contoh yang dapat saya berikan ialah tindakan Kerajaan untuk mempertingkatkan dan memajukan pasaran barangan eksport utama kita seperti kelapa sawit. Di satu masa dahulu Kerajaan berpendapat ada untungnya jika ditubuhkan dagangan hadapan komoditi (Commodity Futures Trading) melalui Bursa Komoditi Kuala Lumpur. Tetapi apabila berlaku peristiwa dalam bulan Mac 1984 iaitu krisis penjualan kelapa sawit yang disebabkan oleh manipulasi orang ataupun orang-orang yang tidak bertanggungjawab, pasaran kelapa sawit kita telah mengalami satu masalah yang amat besar yang kesankesannya masih dapat kita rasakan hingga ke hari ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebagai perbandingan juga, perkara yang sama dapat kita lihat berlaku terhadap Bursa Logam London (London Metal Exchange) yang ditubuhkan lebih daripada 100 tahun yang lalu. Disebabkan berlakunya krisis bijih timah baru-baru ini, Bursa Logam London yang begitu lama ditubuhkan itu runtuh sama sekali, hingga ke hari ini masih belum dapat dilihat kemungkinan ianya dipulihkan semula dan sebagai salah satu akibat susulannya ialah terjejasnya Pasaran Timah Kuala Lumpur.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ada baiknya Kerajaan mengkaji semula kedudukan bursa-bursa komoditi kita ini dengan menitikberatkan dasar-dasar untuk berjimat-cermat dan berhati-hati, juga dari segi penilaian prestasi bursa-bursa ini tadi. Jika sekiranya dapat kita membuat tinjauan kembali tentang prestasi bursa komoditi kita ini, mungkin dua perkara yang dapat kita lakukan, iaitu:

- (1) jika didapati tidak berkesan ataupun memberikan kesan yang buruk, malahan membazirkan wang dari segi pengurusannya, maka adalah lebih baik ditutup sahaja bursa-bursa komoditi ini; atau
- (2) jika dari kajian dan tinjauan balik tentang prestasi bursa-bursa ini kita dapat mengesan dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang mungkin ada padanya, mungkin langkah tertentu dapat diambil bagi memperkukuhkannya dan menjadikannya, dengan izin, "crisis proof" dan dapat mempertahankan diri di dalam menghadapi apa juga krisis sekalipun pada masa-masa yang akan datang.

Seperkara lagi yang benar-benar menarik perhatian saya ialah Titah saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang keutamaan yang akan diberikan kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan demi melindungi kepentingan negara kita dalam mengatasi faktor-faktor yang telah menyebabkan kesan yang tidak baik ke atas harga barangan eksport utama negara kita. Kita tidak dapat menafikan bahawa usaha-usaha penyelidikan dan meningkatkan mutu dan daya pengeluaran serta mengurangkan kos pengeluaran telah mencapai kejayaan besar, malahan telah diiktiraf di seluruh dunia. Namun begitu, usaha-usaha

penyelidikan dalam aspek-aspek pengeluaran ini perlu diteruskan supaya kos pengeluaran terus dapat dikurangkan dari masa ke masa dan demi memastikan negara kita sentiasa di hadapan dan dapat mempertahankan daya persaingannya dengan negara-negara lain.

Tetapi selaras dengan itu, sebagai sebuah negara yang membangun yang percaya dan yakin akan faedah-faedah baik yang boleh didapati dari kemajuan teknologi, maka bidang penyelidikan bagi bahan-bahan utama kita seperti getah, kelapa sawit, balak, bijih timah, petroleum dan sebagainya perlu juga diperluaskan dan dipertekankan serta dipertingkatkan kepada usaha-usaha menghasilkan lebih banyak barangan-barangan yang diproses dan hasil sampingan atau, dengan izin, "end use" bagi barangan-barangan ini seperti kejayaan mendapatkan diesel daripada kelapa sawit, kejayaan menghasilkan perabot dari kayu-kayu getah dan sebagainya dengan mutunya sentiasa terpelihara. Di masa yang sama kajian dan penyelidikan dari segi bagaimana barangan-barangan ini dapat dipasarkan dengan sebaik-baiknya patut juga dijalankan. Dengan pendekatan secara bersepadu dan menyeluruh ini sahajalah dapat kita menjaminkan keberkesanan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan barangan utama kita untuk masa-masa yang akan datang ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan usaha untuk menjayakan Dasar Pertanian Negara, iaitu satu dasar yang saya kira benar-benar berpijak kepada kenyataan kerana walau apa juga bidang-bidang kemajuan yang kita capai di dalam industri-industri lain yang ada di negara kita ini, bidang pertanian tetap menjadi teras kepada kegiatan ekonomi bagi kita. Semua dasar-dasar, rancangan-rancangan dan

projek-projek adalah baik dan molek, tetapi apa yang sering berlaku ialah masalah-masalah daripada perancangan yang baik ini timbul apabila dasar-dasar ini, projek-projek ini dan rancangan-rancangan ini diimplementasikan.

Sehubungan dengan ini, perkara yang ingin saya sebutkan ialah mengenai usaha mewujudkan perladangan bercorak komersial, khususnya melalui perladangan berkelompok. Usaha ini adalah merupakan salah satu usaha yang amat bijak dan baik kalau kita lihat daripada keadaan semasa kerana dengan cara inilah sahaja kita mendapati satu cara yang benar-benar baik untuk kita bersaing dengan negara-negara pengeluar bahan-bahan utama yang lain. Tetapi yang kurang jelas kepada saya ialah cara mengimplementasikan rancangan perladangan berkelompok ini. Saya berharap Menteri di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ataupun Menteri Pertanian dapat menerangkan dengan mengambil kira cara-cara mengatasi isu-isu sensitif, seperti hakmilik bagi tanah-tanah yang akan memasuki projek perladangan berkelompok ini yang jika tidak dijalankan usaha-usaha mengatasi masalah-masalah sensitif seperti soal-soal hakmilik ini yang harus dilakukan secara berhati-hati, akan hanya mengakibatkan gagalannya rancangan yang baik seperti ini.

Di bidang pertanian juga, saya amat merasa bangga adanya usaha-usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan di negara ini, iaitu satu lagi langkah yang saya kira amat bijak diambil. Ini ialah kerana jika bahan-bahan utama kita seperti getah dan bijih timah, juga kelapa sawit tidak mahu dibeli oleh negara-negara pengguna yang lain ataupun tidak laku dijual, maka satu perkara yang saya yakin akan tetap menerima pembeli-pembelinya ataupun sedia

dibeli oleh siapa-siapa juga ialah bahan-bahan makanan, iaitu sama ada bahan-bahan makanan ini untuk kegunaan dan keperluan kita di negara ini ataupun untuk dipasarkan ke dunia luar.

Dalam hubungan ini, sekali lagi soal penyelidikan dan pembangunan adalah amat penting. Hanya beberapa hari yang sudah ataupun semalam sebenarnya, kita telah dengan bangganya membaca kes kejayaan pihak MARDI di dalam penyelidikannya untuk melewati proses untuk buah pisang emas dari menjadi busuk ataupun musnah. Dengan itu, penyelidikan-penyelidikan dalam bidang seperti inilah yang patut dipertingkatkan dan diperbanyakkan dan saya rasa perkara ini dapat kita berikan di dalam bentuk pantun, iaitu:

Pisang emas dibawa belayar;
Masak semua sebulan kemudian;
Segala projek biarlah wajar;
Untuk menjamin masa hadapan.

Oleh itu, kita perlu menyelaraskan penyelidikan dalam aspek-aspek pengeluaran yang bertujuan meminimakan kos pengeluaran dan di samping itu penyelidikan-penyelidikan patut ditekankan juga kepada pemerosesan dan pemasaran bahan-bahan ini di luar dan di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, aspek terakhir yang ingin saya bincangkan ialah soal polarisasi. Walaupun Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyebutkan semalam, jika saya tidak salah, isu polarisasi ini terlalu sangat dibangkit-bangkitkan dan terlalu sangat dimasukkan di dalam ucapan-ucapan para Ahli-ahli Yang Berhormat dan mungkin hampir semua daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh soal polarisasi ini sedikit-sebanyaknya. Tetapi izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membawa satu isu atau jenis polarisasi yang jarang-jarang disebut

dan jarang-jarang mahu dikemukakan untuk dipertimbangkan dan juga diperbincangkan.

Isu polarisasi yang hendak saya bawakan ini merupakan satu yang istimewa kerana ia melampaui batas etnik ataupun kumpulan-kumpulan ras. Ia melampaui batas agama, batas ideologi dan lain-lainnya kerana ia merupakan polarisasi yang telah lama wujud, sejak adanya Adam dan Hawa di dunia ini, iaitu polarisasi di antara lelaki dan wanita. Saya menyentuh perkara ini ialah kerana memandangkan di dalam kegiatan kita mahu membangun dan menjayakan negara ini seringkali kita dapati usaha-usaha untuk melibatkan kaum wanita di dalam usaha-usaha pembangunan ini merupakan usaha yang diambil sebagai satu usaha yang sambil lewa, sekadarkan untuk melepaskan batuk di tangga sahaja. Sejak kita merdeka berbagai-bagai dasar telah kita kemukakan. Kita ada Dasar Kebudayaan, kita ada Dasar Pertanian, kita ada Dasar Ekonomi Baru malahan kita ada Dasar Buku dan Dasar Belia. Tetapi setakat ini setelah 10 tahun berlalunya Tahun Antarabangsa Wanita, kita belum lagi mendengar sama ada dicadangkan dasar wanita pula untuk disejajarkan dengan Dasar Belia yang telah ada.

Sebagai seorang yang sangat berminat dan mengikuti perkembangan di dalam bidang menentukan hak dan kedudukan wanita di negara ini, saya pernah mendengar adanya falsafah yang dilahirkan oleh pihak-pihak tertentu mengenai kedudukan wanita dan peranan yang harus dimainkan oleh wanita dalam usaha-usaha mengintegrasikan mereka di dalam pembangunan negara ini. Tetapi setakat ini saya masih belum dapat melihat adanya dokumentasi mengenai perkara ini yang dilahirkan ataupun dikeluarkan oleh pihak-pihak

tertentu. Oleh kerana itu ada dua perkara yang ingin saya sarankan mengenai aspek ini.

Pertamanya, saya berharap semua rancangan-rancangan ataupun program-program pembangunan yang diadakan hendaklah disepadukan dengan penglibatan wanita. Di dalam Kementerian-kementerian sebaik-baiknya hendaklah mempunyai unit yang khas ataupun sekurang-kurangnya ada pegawai-pegawai tertentu di Kementerian yang dapat ditugaskan dengan soal-soal penyelarasan segala rancangan-rancangan yang melibatkan wanita di negara ini.

Kedua, ialah mengenai Urusetia Hal Ehwal Wanita yang telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri. Saya mengucapkan syabas kerana tertubuhnya Urusetia ini kerana sebagai wanita di Malaysia kita dapat membandingkan kedudukan kita ini dengan bangganya dengan negara-negara lain yang mempunyai urusetia ataupun lebih daripada itu yang menguruskan hal-hal mengenai hak-hak dan kepentingan wanita ini. Sebagai perbandingan kita mendapati wujudnya, dengan izin, Commission on the Status of Women di Filipina. Kita mengetahui tentang adanya Kementerian Hal Ehwal Wanita di Indonesia dan begitu juga adanya Urusetia-urusetia dan Bahagian-Bahagian yang khusus menyelenggarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kedudukan dan penglibatan wanita di dalam pembangunan di negara-negara maju dan di negara-negara yang sedang membangun. Jadi atas itu kita berbangga kerana sekurang-kurangnya kita di Malaysia ini mempunyai urusetia wanita yang juga dipertugaskan dengan perkara-perkara ini. Tetapi apa yang menyedihkan ialah kita dapat taraf urusetia itu tidak seimbang dengan tugas-tugas yang dijalankan. Oleh itu

dicadangkan sekurang-kurangnya pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan supaya taraf Urusetia Wanita yang ada pada masa ini dinaikkan, dipertingkatkan lagi dan dijadikan sebagai satu unit ataupun satu Bahagian, walaupun kita tidak dapat membentuk satu Kementerian untuk hal ehwal wanita yang khusus di negara ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengundur diri dengan sekali lagi menyatakan sokongan saya terhadap usul mempersembahkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik.

4.46 ptg.

Tuan Wong Kie Yik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad untuk mengucapkan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kebawah Duli Tuanku kerana berkenan melantik saya sebagai Senator, dan tidak lupa juga saya mengucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah mencadangkan nama saya sebagai Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bangga dengan beberapa perkara yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa rakyat Malaysia

hendaklah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, makmur, maju dan bernaung. Saya juga berpendapat bahawa seluruh rakyat mengamalkan perasaan bersatu-padu antara satu sama lain di samping mewujudkan rakyat Malaysia yang tulen, tanpa mengasingkan satu kaum dengan lain. Perselisihan fahaman dapat dielakkan dan diasingkan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ketika ini telah adalah menghadapi masalah-masalah ekonomi, politik dan sosial seperti negara-negara lain di dunia ini. Tetapi saya yakin kita tidak perlu bimbang kerana langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan kita boleh mengatasi cabaran-cabaran. Dalam bidang ekonomi, Kerajaan perlulah membangunkan bandar dan luar bandar serentak. Ini akan mendorong terhadap pembangunan yang seimbang demi mewujudkan ekonomi yang sihat, membina lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan rakyat berpendapatan rendah, mengusahakan kawasan terbiar menjadi estet-estet berbagai penanaman, membangunkan lebih banyak industri-industri buatan, memperbaiki infrastruktur asas di luar bandar khususnya di Negeri Sarawak dan berbagai-bagai yang lain. Pasaran di dunia perlulah dikembangkan untuk menampung lebih banyak hasil buatan selain dari hasil utama sahaja.

Dalam isu-isu BMF, Kerajaan memandang ianya satu Kerajaan yang terbuka dengan tidak ada apa-apa pun untuk disembunyikan. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia patutlah gembira bahawa Laporan BMF telah diumumkan oleh Kerajaan. Pengumuman ini adalah memastikan bahawa peristiwa-peristiwa penyelewengan patut dielakkan dan dihapuskan. Ini adalah satu amaran kepada kita dan perlulah mengamalkan prinsip-prinsip bersih, cekap dan amanah dan amatlah

mustahak Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya agar mereka yang bertanggungjawab tidak akan dibebaskan dengan mudahnya.

Dari segi politik, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi yang liberal, tetapi kerana keadaan yang terbuka ini telah menimbulkan berbagai corak politik.

Peristiwa Memali adalah satu contoh yang jelas. Dengan adanya golongan tertentu menyalahgunakan serta mengeksploitasi agama untuk kepentingan mereka tanpa memperhitungkan akibatnya terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam. Politik pelampau akan menjejaskan keharmonian dan keamanan negara sekiranya tindakan-tindakan tegas tidak diambil.

Tidak kurang pentingnya peristiwa yang berlaku di Sabah. Saya yakin pihak yang terlibat akan menyelesaikan pertikaian yang berlarutan ini dengan segera di meja perundingan untuk memulihkan ketenteraman di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang sosial, usaha ke arah integrasi nasional hendaklah diteruskan. Saya berterima kasih atas hasrat Kerajaan untuk melaksanakan "ferry service" di antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah kerana kemudahan ini dapat mencepatkan proses integrasi dan perpaduan.

Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan dengan menghantar guru-guru yang terlatih dari Semenanjung ke Sarawak, tetapi yang lebih tepat sekali kalau boleh iaitu guru-guru daripada Sarawak pun patutlah diberi taraf yang sama bila berkhidmat ke Semenanjung di samping meningkatkan proses integrasi dan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Jalan raya di Sarawak;
- (ii) Lapangan-lapangan terbang; dan
- (iii) Hospital Sibiu.

Semenjak kemerdekaan menerusi Malaysia, penduduk-penduduk Sarawak masih lagi ingin hendak menggunakan jalan raya yang bertaraf dan suasana seperti di Semenanjung. Jalan raya-jalan raya di Sarawak kini masih lagi bercorak "earth road" dan masalah-masalah akibatnya iaitu musim hujan, lecah dan licin, musim panas pula, sangat berdebu. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya dengan secepat mungkin memperbaiki jalan raya antara Sri Aman, Sibiu, Bintulu dan Miri ditarkan.

Tuan Yang di-Pertua, jalan raya yang sempurna perlulah untuk perkembangan industri-industri lebih lagi dari segi perkembangan industri pelancongan di Negeri Kenyalang yang indah dan digemari pelancong-pelancong dari luar negeri, mudah-mudahan akan mencepatkan proses integrasi dan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berterima kasih atas pembinaan Lapangan-lapangan terbang Antarabangsa Kuching dan Miri dengan cukup indah dan sempurna. Tetapi perlu juga dipercepat pembinaan Lapangan-lapangan terbang di Sibiu dan Bintulu kepada taraf yang sama. Kemudahan ini dapat menyenangkan perhubungan antara pedagang-pedagang di dalam negeri. Kedua-duanya sudah dikhaskan tapak pembinaan. Penduduk-penduduk di Sarawak masih menunggu bilakah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyeru Kerajaan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pembinaan Hospital Sibiu di

tapak yang sudah dikhaskan dengan secepat mungkin, kerana hospital yang sekarang ini sudah tidak mencukupi untuk pesakit-pesakit daripada berbagai tempat di sekitar Sibul, dan suasananya kurang menyenangkan pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan berdoa agar negara kita akan terus maju, adil dan makmur. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rokiah Zainuddin dipersilakan.

4.56 ptg.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk saya mengambil bahagian dalam Usul Titah Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Ucapan Baginda pada 10hb Mac, 1986 yang lalu.

Dalam Titah Ucapan Tuanku, Baginda telah menyentuh tentang Persidangan PATA. Sebagaimana kita semua ketahui, Persidangan PATA bermula pada hari ini. Kerajaan telah berusaha untuk menambah pendapatan negara melalui industri pelancongan dengan membelanjakan berjuta ringgit untuk mengubahsuaikan bangunan-bangunan, menanam pokok-pokok untuk mencantikkan keadaan alam sekitar, memperelokkan jalan-jalan raya dan menangkap pengemis-pengemis bagi memberi gambaran yang baik kepada rombongan PATA. Saya sedar ini perlu dilakukan oleh Kerajaan walaupun dalam keadaan ekonomi yang meleset ini.

Kita juga tahu bahawa untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negeri ke negara kita, kita

hendaklah sanggup menyediakan pemandangan-pemandangan yang indah dan tempat-tempat peranginan yang menarik serta kemudahan-kemudahan pelancongan yang lain. Apa yang hendak saya sentuh di sini adalah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan menangkap pengemis-pengemis, pelacur-pelacur dan kutu-kutu embun yang tidur di merata-rata tempat di mana akan menjatuhkan imej negara kita di masa rombongan PATA berada di negara kita. Saya berharap mereka yang telah ditangkap atau diberi amaran, tidak akan dilepaskan begitu sahaja tanpa diselidiki, diberi pembelaan serta bimbingan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan, bimbingan dan pembelaan.

Kita tidak mahu usaha yang dijalankan oleh Kerajaan menjelang Persidangan PATA ini berlalu begitu sahaja seperti kata pepatah Melayu, "sekali air bah, sekali pantai berubah", selepas itu keadaan akan kembali seperti sediakala selepas Persidangan PATA. Bandar-bandar akan penuh dengan pengemis-pengemis di tempat-tempat tertentu, kegiatan-kegiatan maksiat di hotel-hotel dan kutu-kutu embun kembali menghuni di tempat-tempat yang menyakitkan pandangan mata orang ramai.

Saya yakin Kementerian Kebajikan Masyarakat dapat memainkan peranan yang positif dalam hal ini. Bantuan kepada orang-orang miskin di negara kita ini sangatlah sedikit atau minima. Contohnya satu keluarga yang susah setelah kematian bapa yang menjadi tempat pergantungan mereka hanya mendapat bantuan \$35.00 sebulan untuk satu keluarga seramai 4 orang. Saya kira wang sejumlah di atas adalah sangat tidak mencukupi bagi menyara hidup keluarga seramai 4 orang. Sumbangan di atas seolah-olah melepaskan batuk di tangga sahaja.

Dalam keadaan taraf hidup yang tinggi sekarang, sumbangan sedemikian boleh diumpamakan setitik air di lautan yang luas. Ini tidak bererti Kerajaan perlu membantu secukup-cukupnya kepada setiap orang yang miskin yang memohon bantuan daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Tetapi biarlah bantuan itu berpatutan sebab kita tidak mahu oleh sebab kemiskinan yang melarat akhirnya mereka ini akan terdesak untuk melakukan perkara-perkara yang tidak sihat untuk mengisi perut mereka yang kosong, yang lelaki secara lelakinya, yang wanita secara wanitanya.

Saya berharap Kementerian Kebajikan Masyarakat dapat meningkatkan bantuan kewangan kepada mereka yang benar-benar miskin dan tidak dapat mencari pekerjaan bagi menyara hidup mereka dan boleh pula Kerajaan menyerapkan mereka ke dalam pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan pengetahuan dan kebolehan mereka.

Senarai nama orang-orang yang miskin ini hendaklah diberikan prioriti di Pejabat-pejabat Buruh supaya mereka tahu Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada nasib mereka. Saya yakin orang ramai yang menderma sambil membeli tiket-tiket Loteri Kebajikan Masyarakat mahupun bantuan kepada mereka yang susah dipertingkatkan kerana taraf hidup sekarang sudah tinggi.

Saya juga memohon Kerajaan supaya menambahkan peruntukan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya dapat mereka menjalankan kerja-kerja kebajikan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli telah menyentuh tentang persediaan Kerajaan untuk

memberi galakan kepada pembangunan industri yang lebih berkesan.

Saya ingin memperingatkan Kerajaan tentang taraf perintis selama 5 tahun yang diberi kepada industri-industri yang membangun terutama kepada pelabur-pelabur dari luar negeri di mana kemudahan ini telah disalahgunakan oleh mereka. Kesempatan ini digunakan sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha bagi memungut keuntungan seberapa banyak yang boleh. Dalam masa lima tahun setelah mereka mendapat keuntungan yang cukup, mereka akan mengisytiharkan industri mereka mengalami kerugian iaitu apabila habis taraf perintis yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka yang mana mengakibatkan pembuangan pekerja-pekerja dengan sewenang-wenangnya.

Dari itu, Kerajaan hendaklah sentiasa berhati-hati semasa hendak memberikan taraf perintis kepada pengusaha-pengusaha industri. Segala daya usaha hendaklah digunakan bagi menyiasat tentang kejujuran dan keikhlasan sesuatu pengusaha atau pelabur dari luar negeri itu sebelum kita dapat meluluskan taraf perintis kepada mereka.

Janganlah kita mudah terpedaya dengan gambaran dan janji-janji yang pepat di luar, rencong di dalam kerana kecuaiannya ini mengakibatkan kerugian besar kepada ekonomi negara dan rakyat. Kita tidak mahu tenaga rakyat kita dibuat seperti "habis manis, sepah dibuang" akhirnya Kerajaan menanggung beban dan dikecam oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang Dasar Pertanian Negara di mana Kerajaan menggalakkan petani-petani mengusahakan tanah-tanah mereka secara komersial khususnya melalui perladangan berkelompok. Usaha ini

seharusnya mendapat sambutan yang menggalakkan dari petani-petani memandangkan cara ini dapat diwujudkan semangat gotong royong, kerjasama, perpaduan dan rasa tanggungjawab yang tinggi.

Dasar ini juga menggalakkan petani-petani berpersatuan dan berkoperasi. Berkoperasi oleh petani-petani memang baik, tetapi janganlah pula tujuan berkoperasi hanya untuk memberi pinjaman kepada ahli-ahli koperasi sahaja kerana ini menjadi punca petani-petani kita hidup dalam hutang sepanjang hayat.

Saya difahamkan di Indonesia, koperasi petani atau peladang tidak memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya tetapi menyediakan berbagai kemudahan pertanian kepada ahli-ahlinya yang boleh dibeli oleh petani-petani atau peladang dari koperasi itu sendiri seperti baja, traktor, benih dan lain-lain alat pertanian. Cara ini memastikan keuntungan dari peladang-peladang atau petani-petani itu tidak mengalir keluar. Tetapi lazimnya di negara kita koperasi memberi pinjaman kepada ahli-ahli dan ahli-ahli menggunakan wang itu untuk membeli keperluan harian dan kemudahan pertanian dari kedai-kedai luar yang mana menyebabkan pengaliran wang keluar. Sementara itu jika disediakan kedai-kedai keperluan harian dan kemudahan-kemudahan pertanian yang dimiliki oleh koperasi itu sendiri bukan sahaja petani-petani dapat membeli barang-barang dengan harga yang lebih murah tetapi dapat memberi balik keuntungan kepada petani-petani itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan mutu pertanian kita. Tetapi saya rasa MARDI belum berjaya mengeluarkan sesuatu yang dapat menjadi kebanggaan kita, jika dibandingkan dengan negara jiran kita Thailand. Padi kita masih tidak dapat

menandingi padi Thailand. Begitu juga buah-buahan kita tidak dapat menandingi buah-buahan mereka. Kita berharap pihak MARDI akan berusaha lebih giat lagi dalam hal penyelidikan ini. Kita juga berharap benih padi yang baru diperkenalkan kepada petani-petani iaitu MR 84, kalau tak salah saya, dapat membuahkan hasil lumayan dan mutu yang tinggi yang boleh menjadi kebanggaan negara kita, insya Allah.

Menyentuh tentang eksport barangan utama kita, kos pengeluaran barangan utama negara kita adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan Indonesia dan Thailand. Ini saya rasa adalah kerana harga tanah di negara kita tinggi, tenaga buruh juga mahal dan kadar faedah pinjaman kepada sektor pertanian juga tinggi. Saya rasa Kerajaan perlu menimbangkan memberi kadar faedah pinjaman yang rendah kepada sektor pertanian dan untuk jangka panjang Kerajaan hendaklah menggunakan alat-alat moden iaitu jentera-jentera dan mesin-mesin yang mana boleh menjimatkan masa, meningkatkan daya pengeluaran dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh. Dengan cara ini, saya kira dapat mengurangkan kos pengeluaran barangan utama kita yang menjadi sumber pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya tentang peristiwa berdarah Memali. Saya hanya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini sebagai seorang wanita, saya amat kesal penyalahgunaan kuasa oleh parti tertentu terhadap kaum sejenis saya. Kaum wanita dan anak-anak yang diamanah oleh Tuhan untuk dipelihara dan dijaga oleh kaum lelaki dengan sebaik-baiknya tetapi telah dijadikan benteng penyelamat kepada mereka yang tidak berhati perut.

Mereka ini lebih mementingkan keselamatan diri mereka, kaum lelaki, dari keselamatan isteri-isteri dan anak-anak mereka iaitu darah daging mereka sendiri. Kekejaman dan penghinaan sedemikian ini hendaklah mendapat pembelaan dari Kerajaan. Saya juga menyeru kepada kaum wanita, sedarlah kaum sejenis saya, janganlah meletakkan maruah kita begitu rendah sekali sehingga dapat diperalat sedemikian rupa seolah-olah kaum wanita tidak mempunyai maruah diri. Saya juga menyeru kepada para bijak pandai dalam agama agar memberitahu kepada mereka yang memperalatkan kaum wanita dalam peristiwa Memali itu bahawa apa yang diperlakukan kepada kaum wanita dan anak-anak adalah bersalahan dari segi agama Islam dan dayus dikatakan. Agama Islam sangat membenci lelaki-lelaki yang dayus.

Timbul pula cerita yang saya baca melalui surat khabar bahawa ada di kalangan penuntut-penuntut Universiti Pertanian Malaysia yang berdo'a setiap hari mahu menjadi isteri kedua, ketiga dan keempat semata-mata mahu mendapat tempat baik di syurga dan sanggup pula mendera diri mereka tidur atas simen bagi tujuan yang sama.

Cerita ini sungguh aneh. Ini adalah satu cara mempermain-mainkan kaum wanita, memperalatkan kaum wanita dan merendah-rendahkan maruah kaum wanita. Cerita ini dilaporkan oleh Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia. Saya rasa penuntut-penuntut Universiti Pertanian Malaysia telah dipesongkan fahaman mereka dan telah diberi gambaran yang salah oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mempunyai motif yang tertentu. Ulamak-ulamak kita dan Kerajaan hendaklah memperbetulkan perkara ini, sebelum perkara-perkara yang lebih anih dan pelik diadakan-adakan oleh orang-orang yang tidak

bertanggungjawab, dengan umpan tempat yang baik di akhirat iaitu syurga, seperti juga peristiwa Memali yang mana dijanjikan syurga melalui syahid. Kepesongan sedemikian ini kita tidak boleh biarkan berleluasa kerana ia akan mengakibatkan kerugian kepada orang-orang Islam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kertas Putih BMF, saya hanya ingin mengangkat topi di atas sikap, dengan izin, "gentleman" Kerajaan dalam menbentang Laporan BMF kepada orang ramai. Ini menunjukkan kejujuran Kerajaan kita yang disanjung tinggi oleh rakyat. Tahniah saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya semoga penyelewengan yang dilakukan oleh jerung-jerung besar BMF tidak memberi kesan yang buruk kepada petani-petani, peniaga-peniaga dan orang ramai kerana apa yang saya tahu akibat dari skandal BMF ini Bank-bank Bumiputra di seluruh negara kita sekarang terlalu teliti dan begitu rumit sekali untuk meluluskan pinjaman kepada ikan-ikan bilis, rakyat biasa walaupun pinjaman itu hanya \$10,000 sahaja. Jadi, yang menerima akibat dari skandal BMF ini, adalah rakyat jelata yang jujur, sementara yang kenyang, yang kembong sehingga termuntah-muntah adalah mereka yang kaya-raya, penuh dengan penipuan dan tipu muslihat.

Saya menyeru pihak Bank Bumiputra patut memberi perhatian dalam hal ini kerana ini adalah punca bagi rakyat jelata mengambil bahagian dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan yang dapat saya berikan di Dewan yang mulia ini, dengan kata-kata itu saya menyokong Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong pada 10hb Mac, 1986 di Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keenam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni dipersilakan.

5.14 ptg.

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong dan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 10hb Mac, 1986, di Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keenam.

Titah Ucapan Baginda yang saya setuju ringkas, tetapi padat itu sungguh mencerminkan keadaan dan suasana negara hari ini dipelbagai bidang kehidupan meliputi penyalahgunaan dadah, yang terus mengancam kehidupan kita. Penyalahgunaan agama untuk kepentingan politik dan peribadi, kegelisahan kaum dan tekanan-tekanan ekonomi negara serta pengangguran yang kian meningkat. Kita memang bersyukur walaupun demikian keadaannya keamanan negara masih terkawal dan rakyat sedia menghadapi cabaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan berjimat-cermat dan berhati-hati mengurus ekonomi negara dalam menghadapi keadaan sekarang ini memang adalah suatu dasar yang bijak dan disambut baik oleh rakyat, mengadakan pelaksanaan projek-projek pembangunan terutamanya projek-projek mewah juga suatu langkah yang terperinci, baik dan bijak.

Saya bersetuju dengan langkah Kerajaan sungguhpun pelaksanaan projek-projek pembangunan terpaksa

dilakukan secara terhad, tetapi jaminan untuk terus memberi perhatian dan keutamaan kepada projek-projek membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengimbangkan perbezaan ekonomi kaum serta berusaha untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan asas di luar-luar bandar terus menjadi matlamat utama Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya sukalah mengambil kesempatan ini menyampaikan rayuan penduduk-penduduk pendalaman Sabah terutamanya suku-suku kaum Murut, yang sebilangan besarnya hidup di kawasan-kawasan terpencil di pendalaman. Mereka bukan sahaja inginkan kemudahan-kemudahan asas diperluaskan ke kawasan-kawasan mereka, tetapi Lebuhraya Kota Kinabalu-Keningau yang menjadi nadi bagi menghubungkan antara kawasan pendalaman dan Kota Kinabalu itu dapat dibaiki dan ditingkatkan mutu pembinaannya, Lebuhraya ini saya difahamkan adalah dibiayai dan menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menggambarkan bagaimana keadaan Lebuhraya ini di Dewan yang mulia ini, tetapi apabila saya melihat lebuhraya-lebuhraya di Semenanjung ini mutu pembinaannya begitu tinggi dibandingkan dengan Lebuhraya Kota Kinabalu-Keningau, dan cukuplah kalau saya katakan mutu pembinaan jalan-jalan di lorong belakang di Kuala Lumpur ini lebih sempurna daripada Lebuhraya yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memajukan soalan di Dewan yang mulia ini bahawa tidakkah Kerajaan Pusat bercadang untuk menyamakan mutu pembinaan semua Lebuhraya-lebuhraya Persekutuan di Sabah seperti yang terdapat di Semenanjung ini? Rangkaian Lebuhraya ini yang

paling teruk sekali ialah di antara Tambunan ke Keningau. Jalan ini sungguhpun telah diperluaskan, tetapi masih diturap dengan gravel, dengan izin, batu kerikil dan berlubang-lubang, saya tidak nampak ada usaha untuk merawat jalan yang penting ini, tetapi tahukah Tuan Yang di-Pertua, jalan Keningau-Nabawan sejauh 40 batu lebih sempurna keadaannya kerana sebuah syarikat telah ditugaskan untuk menjaga dan merawat jalan ini sepanjang tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perhatian istimewa boleh diberikan kepada jalan Keningau-Nabawan, saya rasa jalan Keningau-Tambunan harus diberi perhatian yang sama kerana jalan ini amat penting bagi penduduk pendalaman meningkatkan aktiviti ekonomi mereka. Ia adalah jalan yang menjadi nadi penting menghubungkan antara Keningau atau kawasan pendalaman dengan Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hubungan ini juga di mana Kerajaan berusaha melaksanakan penyusunan masyarakat melalui usaha-usaha mengimbangkan perbezaan ekonomi antara kaum, saya sukalah menumpukan pandangan saya ini kepada masyarakat kaum Murut di pendalaman Sabah.

Kaum Murut adalah satu kaum yang agak tertinggal dalam serba bidang kemajuan terutamanya di bidang ekonomi, nasib mereka tidak jauh bezanya dengan suku kaum Asli di Semenanjung. Tetapi kaum Orang Asli di Semenanjung ini mungkin lebih bernasib baik, mungkin lebih baik kerana mereka mempunyai Jabatan yang khusus memberi perhatian kepada kebajikan mereka, sedangkan kaum Murut di Sabah terpaksa bersaing secara terbuka dengan kaum-kaum yang lebih maju dalam segala hal. Oleh itu saya tertarik dengan usaha Kementerian Pertanian

Malaysia untuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli di Semenanjung dengan menubuhkan satu Unit Khas bagi membantu masyarakat Orang Asli menjalankan projek-projek pertanian dalam bentuk khidmat nasihat, teknikal dan kepakaran.

Saya rasa sebagai sebuah negara segala nikmat pembangunan dan kemajuan bagi meninggi atau meningkatkan taraf hidup kaum-kaum yang tertinggal dalam arus pembangunan negara harus juga dapat dirasakan sama di seluruh negara. Dalam ertikata yang lain, apa yang baik, yang boleh dilakukan di Semenanjung juga dapat dirasakan sama oleh kaum-kaum di Sabah dan Sarawak, terutama mereka yang mengalami nasib yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan sebab itu saya mohon supaya Unit Khas itu diluaskan ke Sabah, terutamanya ke kawasan suku kaum Murut kerana kehadiran Unit Khas ini di tengah-tengah masyarakat kaum Murut bukan sahaja dirasakan sebagai kehadiran pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat/Sabah, malah ia suatu cara atau langkah mengintegrasikan perasaan dan pemikiran di antara penduduk-penduduk Sabah dan Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam senarai soalan-soalan Jawapan Mulut yang dikemukakan di Dewan ini, terdapat sebuah soalan yang menanyakan jumlah bilangan Orang Asli yang telah melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional dan jumlah yang dilaburkan. Nampaknya soalan ini belum dikemukakan dan jawapan pun belum kita dengar, mungkin ada, mungkin tidak. Tetapi bagaimanapun sekiranya belum ada kerana hal-hal yang kita maklum tentang keadaan ekonomi mereka, saya suka membuat saranan di sini, tidakkah boleh Kerajaan memikirkan satu skim untuk membuat

pinjaman-pinjaman khas ini dari mana-mana bank untuk Orang Asli, begitu juga kepada kaum Murut di Sabah untuk dilaburkan kepada Amanah Saham Nasional ini.

Peraturan-peraturan hendaklah digubal untuk memastikan pinjaman-pinjaman itu benar-benar dapat dilaburkan bagi memperbaiki masa depan Orang-orang Asli baik di Semenanjung mahupun di Sabah. Saya berpendapat ini adalah satu cara bagi mengimbangkan keadaan ekonomi antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit lagi kerana masa pun suntuk dan saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun juga ingin mendapatkan peluang berucap pada hari terakhir ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan R. M. Jasni: Saya tidak mahu menyentuh peristiwa Memali kerana Ahli-ahli Yang Berhormat di sini lebih arif mengenai perkara ini. Tetapi saya rasa sedih juga setelah melihat tayangan filem Memali di TV Malaysia, kanak-kanak dan wanita-wanita macam dirasuk, sudah tidak siuman lakunya. Saya teringat peristiwa di Guyana di mana orang-orang terlalu taat kepada seorang ketua sanggup mengorbankan diri minum racun beramai-ramai.

Jadi, dalam Kertas Putih Memali ini kita dapat ketahui orang-orang kampung yang mahu pergi berperang itu minum air kolah atau air perigi kata orang Sabah. Setelah meminum air perigi itu akan menjadikan orang-orang dan kanak-kanak itu tidak siuman. Tidakkah Kerajaan membuat penyiasatan teliti sama ada air kolah itu dimasukkan ke dalamnya berkilo-kilo dadah? Jadi, itu perasaan saya semasa menonton filem Memali. Lain-lain perkara mengenai itu saya tidakkah hendak sentuh, sebab seperti

saya katakan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat di sini lebih arif tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peristiwa rusuhan di Sabah yang bersabit dengan politik di Sabah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, maka saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas simpati Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kepentingan rakyat Sabah. Saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Puan Aion dalam perbahasan semalam bahawa selagi parti-parti politik di Sabah mengutamakan kerusi masing-masing dan ada pula yang lebih ghairah untuk mendapatkan dua pertiga kerusi bagi partinya, maka saya fikir pilihanraya yang akan datang ini tidak merupakan satu penyelesaian kepada masalah politik Sabah kerana siapa yang mendapat sedikit tentu tidak akan berpuas hati, lebih-lebih lagi jikalau hak-hak mereka khususnya parti-parti politik yang mendapat kerusi kecil itu diperkecil-kecilkan. Jadi masalah politik Sabah itu tidak akan selesai walaupun selepas pilihanraya. Hanya sekiranya semua parti politik sanggup berkorban dengan ikhlas menubuhkan satu Kerajaan Bersama untuk kepentingan bersama.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi simpati dan perhatian berat terhadap peristiwa di Sabah bagi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peristiwa BMF, saya rasa ini terlalu lama kita telah perbincangkan. Semua rakyat pun sudah tahu. Jadi, saya tidak mahulah mengulang, cuma saya teringat kepada peristiwa semasa Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil Laporan BMF yang ber“volume-volume”, dengan izin, kemudian salah seorang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak oleh kerana buku itu terlalu berat maka dia kata “mesti diangkat

dengan cara Sarawak” dan terpaksa dia mengangkat dan meletakkan di bahu.

Saya teringat jikalau pengalaman yang begini mahal ini tidak menjadi satu pengajaran kepada kita semua, kepada Kerajaan, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat ini pada masa-masa depan akan mengangkat lebih banyak dan lebih tebal lagi daripada Laporan-laporan BMF ini mengenai perkara-perkara yang serupa. Jadi, saya percaya Kerajaan telah pun sedar, pihak-pihak yang tertentu pun telah sedar dan tidak ada sebab maka perkara ini akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah yang dapat saya sampaikan dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat.

5.25 *ptg.*

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih dan melahirkan rasa bangga kerana diberi penghormatan bagi menganggotai di dalam Dewan yang mulia ini. Sejajar dengan kepercayaan diberi begitu tinggi, saya akan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin ke arah pembangunan Malaysia tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam amalan negara yang berdemokrasi Kerajaan begitu terdedah sekali dengan berbagai-bagai isu dari pihak-pihak yang ingin mengambil

kesempatan untuk kepentingan diri dan golongan tertentu tanpa mengira kepentingan negara.

Misalnya walaupun telah berulang diulas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, namun akan saya turut memperkatakan masalah BMF. Kita tahu dan kita tidak menafikan bahawa kecurangan dan pecah amanah yang berlaku di mana penipuan wang yang begitu besar oleh Pengarah-pengarah di Hong Kong di luar pengetahuan dan bidang kuasa Kerajaan Malaysia; namun untuk memberi kepuasan, Kerajaan telah bersetuju menubuhkan satu badan siasatan melalui Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Jawatankuasa ini bekerja keras untuk menjayakan kerjanya dan kita ucapkan syabas.

Malangnya Jawatankuasa ini telah terpengaruh dengan publisiti dari orang-orang yang cuba menyalahkan Kerajaan sehingga begitu ghairah sekali menerima, mencari pemimpin-pemimpin yang dilaporkan oleh orang-orang seperti George Tan terus dilibatkan tanpa dipanggil bersemuka.

Mengenai keputusan CUEPACS untuk mengambil tindakan mogok umum adalah lagi satu perkara yang paling malang dan tragedi ngeri akan menimpa negara ini, sebab kita sedia maklum bila kekerasan dibuat, tindak balas mungkin berlaku; dan bila keadaan sudah tidak tenteram lagi tidak akan ada kepala dingin yang sanggup berbicara.

Menyedari hakikat inilah saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin pekerja supaya tidak terlalu ghairah kepada publisiti dalam mencari pengaruh kepada ahli-ahli sedangkan kita semua sedia maklum setiap warganegara yang bertanggungjawab adalah bersedia mendahului kepentingan negara dari segala-galanya; apa lagi sebagai jentera Kerajaan yang mana telah diperakukan gaji dan elaun bahkan

pernah berlaku pada suatu ketika Kerajaan telah memberi kenaikan tunggakan gaji bagi tahun-tahun kebelakangan.

Saya percaya Kerajaan juga ingin kepada produktiviti yang baik, perkhidmatan yang cemerlang dari kakitangan dan Kerajaan akan sentiasa berikhtiar untuk memberi upah dengan sewajarnya. Jadi, kalau ada antara majikan yang akan saling memberi dan menerima, saya tidak nampak mengapa Kerajaan tidak boleh menimbangkan perkara ini pada satu ketika bila keadaan ekonomi tidak terdesak seperti yang ada. Sesiapa pun juga di dalam keadaan-keadaan yang terdesak akan berkata tidak atau membisu seribu bahasa, tetapi percayalah bila keadaan telah pulih, masa masih ada untuk berunding, sebagai majikan dan pekerja yang sentiasa akan berjalan seiring jalan, yang mana dalam masa susah dan senang akan bersama.

Selama 28 tahun kita merdeka dan selama masa kita berjuang mengisi kemerdekaan tanahair, janganlah kerana kemelesetan yang ada menjadi penghalang ke arah permufakatan kita dan kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, marilah kita bersama-sama meletak kepentingan negara lebih dari segala-galanya dan akan terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional mudah-mudahan Kerajaan yang ada akan terus memberi khidmat dan dapat memenuhi hasrat dan cita-cita kesatuan sekerja, insya Allah.

Menyentuh mengenai penuntut-penuntut kita di luar negeri yang begitu terdedah dengan kegiatan-kegiatan dan aktiviti, umpamanya Malaysian Islamic Study Group, di Amerika Syarikat yang banyak diguna oleh parti Pembangkang (PAS), misalnya sebagai platformnya, tetapi pertubuhan ini tidaklah semestinya dicapkan sebagai pengikut kepada parti itu dan Kementerian Luar Negeri

boleh membantu Kerajaan dengan meluaskan bidang skopnya di dalam kegiatan inspectoratennya, di dalam bahagian pentadbiran di luar negeri bertindak langsung sebagai penyelia dan pengawas kepada penuntut-penuntut di luar negeri.

Sehubungan dengan ini juga, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran dan agensi-agensinya berkenaan supaya tidak menarik balik biasiswa-biasiswa kepada penuntut-penuntut yang berkahwin semasa penuntut-penuntut dari Malaysia dan penuntut-penuntut sesama Malaysia sendiri, kerana dengan ini selain dari penuntut-penuntut itu akan lebih bertanggungjawab terhadap pelajarannya, mereka juga akan lebih terselamat daripada ancaman kegiatan-kegiatan yang tidak memberi faedah.

Seterusnya saya ingin menyeru kepada Kerajaan sendiri supaya jangan membiarkan sikap "lenient" yang ada pada kita dipergunakan oleh mana-mana pihak yang sentiasa mencari kesempatan dengan alasan di dalam pentadbiran negara kita yang berdemokrasi ini. Siapa saja bebas bersuara dan bertindak, Kerajaan perlu bertindak tegas kepada golongan ini demi kebaikan kita bersama.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib bin Lazim.

5.34 ptg.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai dan menjunjung tinggi serta menyokong penuh di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sungguhpun Titah Ucapan ini telah pun dibahas, diberi pandangan-pandangan oleh saudara-saudara saya yang lain dalam Dewan yang mulia ini, tetapi pada saya jelas sekali Ucapan ini memberi

keutamaan kepada cabaran-cabaran yang begitu serius dan hampir merbahaya yang sedang kita hadapi dewasa ini akibat terutama sekali daripada kemerosotan ekonomi negara kita.

Jawapan kepada cabaran-cabaran yang telah pun ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merangkumi berbagai perkara. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja mesti dijawab oleh bapak-bapak Menteri kita atau mesti dijawab secara politik, tetapi juga mestilah dijawab oleh semua pihak terutama sekali oleh pihak-pihak yang tertentu yang telah diamanahkan, iaitu semua jentera-jentera Kerajaan kita. Mereka ini semua hendaklah memerhati semua sekali, mengkaji dan menerima setiap perkara yang telah berlaku dalam negara kita ini jika kita ingin melihat ekonomi negara kita dan semua yang kita hadapi ini berjalan dengan baik dan sempurna demi untuk kebahagiaan rakyat kita yang kita cintai. Tanpa kerjasama yang sungguh-sungguh, janganlah kita mimpikan segala usaha-usaha yang kita jalankan pada hari ini dapat kita hadapi, terima dengan baik dan sempurna.

Dari segi politik, kita telah mengadakan berbagai dasar, kita telah mengadakan berbagai-bagai rancangan sejak daripada Rancangan Malaysia Pertama. Rancangan Malaysia Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga, Rancangan Malaysia Keempat dan masuk Rancangan Malaysia Kelima ini. Kita telah akui, kita telah terima keputusan-keputusan yang baik dan kita telah menjalankan tindakan-tindakan yang tegas dan pantas dan semua ini telah kita buat semata-mata untuk memberi kebahagiaan kepada seluruh rakyat kita di negara kita ini. Walau bagaimanapun, dalam saat-saat ini, dalam akhir-akhir ini kita mestilah memerhati dan mengkaji dengan cara

yang serius dan berani sebab kita dapati kedudukan akhir-akhir ini kita rasa bimbang mungkin jika sekiranya kita tidak berhati-hati segala pelaksanaan yang kita rancangan ini tidak dapat berjalan dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang ketahanan nasional dan juga mewujudkan suasana yang aman dan tenteram, Kerajaan perlulah mengambil tindakan yang segera terhadap parti-parti yang sentiasa mengeksploitasi berbagai isu yang bertujuan untuk menggugat kestabilan politik negara kita pada masa ini.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, walau di mana dunia sekalipun jika sekiranya parti-parti politik atau politik itu tidak stabil dalam sesebuah negara, janganlah kita mimpikan segala rancangan kemajuan yang kita megahkan, yang kita sedang senaraikan, yang sedang kita lakukan ini mendapat kejayaan. Contohnya telah banyak, Tuan Yang di-Pertua, di mana pun di dunia ini jika sekiranya politik itu tak stabil, yang akan menerima akibatnya ialah rakyat jelata terutama sekali masyarakat yang tinggal di kampung-kampung.

Kita dapati masih lagi banyak ahli-ahli politik kita yang menggugat kestabilan politik kita, meransang kemarahan rakyat kepada Kerajaan. Ada parti Pembangkang yang sengaja membuat ceramah-ceramah dan menjalankan kegiatan-kegiatan bagi menajamkan permusuhan dan polarisasi kaum. Parti ini kononnya menentang perkauman dan inginkan keharmonian dan perpaduan nasional, akan tetapi akibat sebenarnya parti ini sentiasa berusaha menyalakan semangat perkauman kerana ia akan hidup dengan adanya semangat perkauman ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, sungguhpun kita dapati lidah mereka manis, baik bercakap tentang perkauman, hendak menghindarkan

perkauman, tetapi sebenarnya hati mereka sentiasa mengharapkan polarisasi kaum terus berkembang dan mereka hidup di atas berlakunya polarisasi kaum ini.

Di samping itu terdapat juga sebuah parti sepertimana Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sering menyalahgunakan agama untuk kepentingan peribadi, kepentingan politik dan kepentingan golongan yang tertentu. Mereka juga dengan sengaja dan bersungguh-sungguh menjalankan usaha menghasut rakyat membenci, menentang Kerajaan secara kekerasan. Pemimpin-pemimpin parti ini berniat untuk mendapat kerusi dengan menggunakan berbagai-bagai ayat terutama sekali ayat-ayat al-Quran dan Hadis. Mereka tafsir dengan sewenang-wenangnya untuk kepentingan mereka. Pemimpin-pemimpin parti ini telah mencampuradukkan agama dengan teknik dan cara-cara gerombolan militan dan gangster yang sanggup melakukan apa sahaja hatta membunuh dengan semata-mata untuk mencapai tujuan mereka.

Telah ternyata kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang telah dilakukan oleh parti ini apabila kita teringat pilihanraya Padang Terap disebabkan parti ini jugalah kerana merebut kerusi sehingga tumbuhnya satu peristiwa yang kita panggil peristiwa berdarah di Lubuk Merbau.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua peristiwa Memali di Baling baru-baru ini. Saya tidaklah hendak menyentuh panjang tentang dua peristiwa ini tetapi pada saya dan pada kita semua ini menunjukkan tentang kegilaan kuasa parti ini, sanggup melakukan apa sahaja semata-mata untuk kepentingan diri dan semata-mata untuk mendapat kerusi. Jikalau begini keadaannya berlaku kepada pemimpin-pemimpin parti di tanahair

kita ini, apa akan jadi kepada negara yang kita cintai ini. Oleh itu kita amat berharap supaya Kerajaan memberi perhatian serius kalau perlu menangkap pemimpin-pemimpin parti yang terang-terang telah menyalahgunakan kuasa dan akhirnya rakyat derita.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menjalankan tanggungjawab dan amanah rakyat untuk mempertahankan kestabilan politik dan kesejahteraan rakyat, saya berpendapat sudah sampai masanya Kerajaan mengkaji dengan teliti dan sungguh-sungguh kalau perlu seperti saya katakan tadi mengharamkan semua parti-parti politik yang saya sebutkan itu kerana mereka ini terbukti menjalankan kegiatan yang membawa kekacauan dan huru-hara serta meransang rakyat untuk menjadi pembunuh orang-orang yang tidak berdosa seperti berlakunya peristiwa Memali dan peristiwa berdarah di Lubuk Merbau yang saya katakan itu. Di samping tindakan politik dan tindakan pentadbiran juga amatlah penting, anggota-anggota pentadbiran kita perlulah meningkatkan komitmen mereka, kemampuan dan kecekapan mereka. Kejayaan tindakan yang telah diputuskan adalah bergantung kepada sumbangan dan kesungguhan pegawai-pegawai pentadbir dari semua peringkat dan golongan bagi menjalankan tugas masing-masing. Tanpa kerjasama mereka ini sepertimana yang saya sebutkan tadi, janganlah kita harapkan segala rancangan kita akan dapat berjalan dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk berjimat cermat dan berhati-hati dalam menguruskan ekonomi negara dan juga dalam bidang-bidang pentadbiran yang lain sama ada berjaya atau tidak hampir 100% bergantung kepada kemampuan kesungguhan dan keikhlasan pegawai-pegawai pentadbir kita di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan dan tindakan politik dan pentadbiran perlulah digabung dan diubahsuaikan untuk membolehkan kita berhati-hati dan berjimat cermat. Perayaan dan pesta-pesta bukan sahaja perlu dikurangkan sebanyak mungkin tetapi kita perlulah berhenti sama sekali dari mendirikan pintu-pintu gerbang dan pentas upacara dengan memakai hamparan-hamparan permaidani itu dan ini. Demikian juga kita perlu berhenti dari menerbitkan buku-buku cenderamata atau buku aturcara dicetak dengan kertas mahal dan berwarna-warni untuk upacara perasmian umpamanya. Pentas-pentas hiasan yang cantik dan sebagainya hanya untuk kegunaan dalam masa dua, tiga jam sahaja. Begitu juga buku aturcara yang pada umumnya mengandungi gambar-gambar dan kata-kata aluan tokoh pemimpin-pemimpin kita, Menteri-menteri umpamanya sebenarnya tidak mendatangkan apa-apa faedah pun. Ini adalah pembaziran yang mesti dihentikan segera dalam keadaan ekonomi kita yang sedang meleset ini dan kita dapati keadaan yang seperti ini terus berjalan sehingga dewasa ini. Walaupun perkara ini kecil tetapi besar ertinya kepada masyarakat kita di kampung-kampung, kepada masyarakat kita yang miskin yang melihat keadaan yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lalu, saya berada di Petaling Jaya dan jam 7.00 pagi ketika hari telah terang saya dapati lampu-lampu elektrik di jalan-jalan masih terpasang. Ini suatu lagi pembaziran yang tidaklah sukar untuk dihentikan. Di sebuah bandar ibu negeri kita dapati beberapa persimpangan jalan dipasang berbelas-belas banyaknya lampu-lampu jalan, lampu-lampu isyarat lalu-lintas, akibatnya sebahagian daripada lampu-lampu ini tidak berfungsi dan

mengelirukan, ini satu lagi pembaziran yang terkadang-kadang memalukan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin timbulkan ialah berkenaan dengan pengiring-pengiring tanpa tugas semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri. Sudah menjadi suatu amalan yang biasa apabila seorang Menteri, lebih-lebih lagi Perdana Menteri membuat lawatan-lawatan bekerja akan terdapat berbelas-belas kereta dan pegawai-pegawai kanan berduyun-duyun mengiringi Menteri-menteri, sebahagian besar daripada pegawai-pegawai ini sebenarnya tidak mempunyai apa-apa tugas dan sama sekali tidak perlu mengiringi Menteri yang berkenaan. Pembaziran masa, tenaga dan belanja kenderaan mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri seperti ini juga perlulah dihentikan segera. Saya tidak fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri akan berasa kecil hati jika tidak ramai pegawai menjadi pengiring tanpa tugas dalam lawatan-lawatan mereka, barangkali pihak JPA atau pihak Jabatan Menteri Besar Negeri-negeri, perlu mengeluarkan arahan atau mengkaji semula tentang kedudukan ini. Perkara ini berlaku daripada dahulu, daripada kita mencapai kemerdekaan sampai sekarang, sampai dalam keadaan ekonomi meleset pun kita tidak mempertimbangkan dan tidak mengkaji dengan halus. Saya amat berharap supaya pihak-pihak berkenaan dapat mengkaji dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang saya kemukakan ini mungkin dianggap sebagai perkara kecil, akan tetapi sedarlah jika daripada kecil-kecil begini, kita tidak atasi, tidak ambil perhatian yang serius, saya bimbang terhadap kemampuan kita dan

kesungguhan kita untuk benar-benar berjimat-cermat dan berhati-hati melihat kesan psikologi terhadap masyarakat hasil dari tindakan kita memberhentikan kerja-kerja yang membazir ini walaupun kecil adalah besar ertinya kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada prestasi sebahagian daripada pentadbiran kita masa lalu, saya bimbang dan saya merasa ragu-ragu terhadap kemampuan kita untuk membina tambahan sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh tahun 1986-1988 ini. Kerja membina 240,000 unit rumah kos rendah dalam masa tiga tahun bukanlah satu perkara yang mudah dan kecil. Oleh yang demikian segala red-tape dan prosedur yang memang sudah kita ketahui melibatkan proses pembinaan rumah perlu diperbaiki segera. Jalan ringkas yang tidak berliku-liku yang boleh mempercepatkan proses kerja melicinkan tindakan politik dan pentadbiran perlulah dirumuskan khususnya berkaitan dengan pembinaan rumah kos rendah sebanyak 240,000 setahun itu. Dalam tahun 1986 ini hanya tinggal 8 bulan sahaja lagi dan dalam masa 8 bulan ini kita mesti selesaikan matlamat kita untuk menyediakan rumah kos rendah sebanyak 80,000 unit. Tidak syak lagi untuk menyelesaikan tugas ini, semua peringkat politik dan pentadbiran mestilah bertindak tegas, berani dan bijak. Jika sekiranya kita tidak memandang serius dalam perkara ini saya penuh yakin usaha kita untuk mengadakan rumah kos rendah 80,000 unit setahun dalam tahun 1986-1988 tidak berhasil. Oleh itu hendaklah pihak-pihak berkenaan khususnya Kementerian Perumahan memanggil dan mengkaji semua pihak yang terlibat dengan sungguh serius termasuklah kontraktor-kontraktor kita sama ada kecil hingga yang sebesar-besarnya supaya mereka ini faham tentang tugas-tugas mereka.

Jika red-tape yang kita sama-sama ketahui itu tidak diubahsuaikan dengan semangat yang serius, sesungguhnya saya penuh yakin pelaksanaan sebanyak 80,000 setahun ini tidak akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, mengingatkan pentingnya komitmen dan persefahaman di antara politik dan pentadbiran, saya suka mencadangkan supaya input politik dalam kursus untuk pegawai-pegawai pentadbiran termasuk di INTAN, perlulah diperbanyakkan. Sungguhpun kebanyakan tokoh-tokoh politik kita bukanlah orang profesional, namun begitu kita dapati mereka ini adalah mempunyai pengalaman yang praktikal dalam politik amat berguna, oleh itu amatlah baik sekiranya tokoh-tokoh ini diundang sebagai pemsyarah tamu di INTAN atau di mana-mana juga yang difikirkan perlu. Dengan demikian pertukaran pendapat dan pengalaman antara kedua pihak ini diharapkan dapat memberi bantuan kita melicinkan tugas masing-masing dalam bidang politik dan pentadbiran negara kita ini.

Jika sekiranya politik dan pentadbiran tidak disamakan, tidak disatukan, saya penuh yakin ada juga masalah-masalah yang terkadang-kadang merumitkan kita dan kadang-kadang menjejaskan usaha-usaha dan rancangan-rancangan yang kita sedang aturkan pada masa ini. Politik dan pentadbiran berkait rapat dan saling bergantung antara satu dengan lain. Keduanya, mestilah selari dan serasi serta sekata, sama jalan dan sama tujuan jika kita hendakkan segala kemajuan, segala rancangan di negara kita ini berjalan dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai berhati-hati dan berjimat-cermat, teringat saya kepada usaha Kerajaan kita menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Saya yakin

kita semua khususnya pentadbiran, pemimpin politik dan para pegawai dalam semua bidang pentadbiran dan pendidikan dapat mengamalkan sikap bersih dalam semua hal, cekap dalam melaksanakan kewajipan dan amanah dalam pekerjaan serta kehidupan harian. Kita bukan sahaja akan dapat keluar dari perangkap kemelesetan ekonomi yang sedang menyiksa kita sekarang ini tetapi juga kita akan dapat tegak sebagai satu bangsa yang maju, kuat, makmur dan bermaruah. Oleh itu, dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam ini iaitu nilai-nilai universal yang memang dituntut oleh semua agama dan semua kaum di negara kita, usaha mengamalkan nilai-nilai yang unggul dan mulia itu adalah jauh lebih penting daripada menekankan perkara-perkara kecil seperti pakaian dan sebagainya. Kita tidaklah seharusnya mementingkan sangat aspek-aspek pakaian, aspek-aspek bentuk, kejantinaan dan sebagainya sehingga kita terlupa kepada aspek-aspek lain yang utama yang perlu kita tunaikan yang akan menentukan hidup mati kita di tanahair kita ini dan kita yakin jika semua pihak dapat memberi perhatian yang sungguh-sungguh dalam perkara ini, saya penuh yakin usaha-usaha mulia kita itu dapat kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap segala ustaz yang telah memberikan khidmat baik untuk memberikan pengajaran agama di pejabat-pejabat Kerajaan, di sekolah-sekolah dan di mana juga akan dapat menekankan dengan bersungguh-sungguh tentang wajibnya kita mengamalkan nilai-nilai dan ajaran-ajaran seperti bersih, cekap, amanah, jujur, rajin, tatatertib, adil, bertanggungjawab dan bijaksana dalam menjalankan tugas kita seharian sama ada pejabat dan sebagainya. Pakaian dan ibadat keagamaan memanglah perlu dan wajib kita tunaikan tetapi itu sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan agama

ini, bangsa kita, negara kita sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat yang dituntut oleh Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara baik yang telah kita putuskan dalam Dewan yang mulia ini. Banyak perkara yang telah kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini sama ada Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Tetapi sungguh malangnya banyak perkara telah tidak terlaksana dengan jaya oleh kerana kita kurang bersih, kurang cekap dan sering tidak amanah. Banyak undang-undang yang telah kita luluskan untuk kebaikan kita bersama namun kebaikan itu sering tidak tercapai seperti yang diharapkan kerana lemah pelaksanaan dan penguatkuasaan. Ini ternyata, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji kembali sejarah pembangunan negara kita sejak kita mencapai kemerdekaan. Kalau kita hendak bercakap tentang kelemahan kita, tentang kejujuran kita dan tidak sungguh-sungguh menjalankan tugas tentulah banyak, tentulah mengambil masa yang begitu panjang dalam Dewan ini. Apa yang perlu kita hati-hati sekarang di atas ucapan dan pandangan yang disarankan oleh Yang di-Pertuan Agong kita, sekali lagi berkehendakkan seluruh tenaga, seluruh rakyat khususnya pemimpin-pemimpin kita yang kita beri amanah dan tanggungjawab dalam jabatan-jabatan Kerajaan khususnya mestilah sekali lagi mengkaji dengan bersungguh-sungguh, kalau tidak sekali lagi rakyat kita akan keciwa dalam usaha-usaha yang telah kita buat itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan BMF, saya tidak bercadang untuk menyentuh dengan banyak, sebab rakan-rakan saya telah pun menyentuh. Walaupun begitu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Jawatankuasa

Penyiasat Ahmad Noordin yang menyiapkan satu laporan yang mendedahkan satu penipuan yang paling besar yang pernah dilakukan oleh penjenayah-penjenayah atasan dalam sejarah negara kita yang kita cintai ini. Malangnya Tan Sri Ahmad Noordin telah mabuk sanjungan dan publisiti sehingga beliau lebih mementingkan laporan itu dihebahkan kepada umum daripada membantu Kerajaan mencari jalan mengambil tindakan terhadap perompak-perompak atasan yang amat jahat, Tuan Yang di-Pertua. Begitu ghairah Tan Sri Ahmad Noordin sehingga beliau dalam sanjungan dan publisiti sanggup memasukkan dalam laporan-laporannya yang sangat berharga itu dokumen dan surat-surat yang kebenaran dan kesahihannya tidak dapat dipertanggungjawabkan.

Beliau nampaknya senang dan bangga sekali apabila mengaitkan nama-nama tokoh-tokoh politik termasuk tokoh-tokoh politik tertentu ke dalam kes penipuan ini walaupun justifikasi dan buktinya tidak dikemukakan, sehinggalah usaha yang baik dan mulia ini dicacatkan oleh kemegahan diri sanjungan dan pujian. Dan ada setengah pihak terutama sekali pihak Pembangkang ataupun musuh negara kita, menggunakan publisiti ini untuk menyalahkan Kerajaan, menyalahkan pemimpin-pemimpin Kerajaan kita pada hal niat Kerajaan begitu mulia dan begitu murni melantik jawatankuasa ini semata-mata untuk mengkaji dan menyiasat supaya dapat kita kenalpasti manusia-manusia yang tidak bertanggungjawab ini. Apabila kita kenalpasti orang-orang ini maka dengan senang kita mengambil tindakan.

Sepatutnya Jawatankuasa Penyiasat ini menyediakan penyiasatan dan menyerahkan kepada Kerajaan dengan senyap-senyap khususnya kepada Bank Bumiputra

maka dengan jalan itu maka senenglah pihak Kerajaan kita mengkaji, menyelidiki, menangkap atau mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sewajarnya perkara seperti ini akan menjadi contoh, akan menjadi ingatan kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang lain apabila Kerajaan melantik mereka itu untuk menyelidiki dalam semua perkara yang sama ada akan berlaku atau yang sedang berlaku di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping golongan politik dan pentadbiran, cerdik pandai kita di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam badan-badan profesional perlulah dikerah ikut serta memberikan jawapan-jawapan yang praktis dan positif terhadap cabaran-cabaran kemelesetan ekonomi negara kita yang kita sedang hadapi sekarang ini. Sebahagian daripada mereka ini yang menggelarkan sebagai kumpulan reformasi sosial patutlah menjadikan kumpulan mereka sebagai kelompok reformasi sosial dan ekonomi. Peranan mereka tidak selarasnya untuk mendapat publisiti dan sanjungan daripada pihak Pembangkang dan kumpulan yang kecewa dan anti establishment. Bukan sahaja sekadar mencari kesalahan dan kelemahan tetapi lebih penting lagi untuk memberi sumbangan-sumbangan yang berharga, yang positif dan praktis dalam zaman kita menghadapi cabaran-cabaran kemelesetan ekonomi negara seperti sekarang ini.

Fikiran dan sumbangan-sumbangan mereka yang praktis amatlah diperlukan dalam keadaan seperti ini. Kita perlu berganding bahu untuk bertindak dan bekerja, bukan untuk bercakap dan mencari salah. Sanjungan yang abadi dan bermakna terhadap cerdik pandai kita tidaklah seharusnya diberikan kerana kejayaan mereka merumuskan teori-teori yang besar dan gagah, akan tetapi

seharusnya dicapai kerana kejayaan mereka ikut menyelesaikan berbagai-bagai masalah, berbagai-bagai cabaran yang dihadapi oleh rakyat dan negara, sepertimana yang telah disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita berharap cerdik pandai kita daripada semua pihak, kita berharap ahli-ahli profesional kita daripada semua peringkat, dapat menyedari hakikat yang sebenar, bukan mencari salah. Untuk mencari salah orang-orang memanglah senang, tetapi untuk memperbaiki kesalahan-kesalahan itu memanglah amat susah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian persatuan-persatuan yang begitu bersungguh-sungguh berjuang dan menonjolkan diri sebagai pencinta alam

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf. Kalau dapat diringkaskan ucapan Yang Berhormat supaya kita memberi peluang kepada Yang Berhormat Tuan Hassan Nam, Wakil Orang Asli juga untuk berucap.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Dua minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Saya minta dua minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila sambung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya hendak cepat sampai tersusul saya sebut. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian persatuan-persatuan yang begitu bersungguh-sungguh berjuang dan menonjolkan diri mereka sebagai pencinta alam dalam haiwan supaya lebih mengutamakan cinta mereka kepada masyarakat dan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan terjadinya penyalahgunaan agama, sambil kita mengawasi dan menentang ancaman yang berpunca dari sikap melampau, saya ingin mencadangkan supaya pengajaran agama di semua peringkat persekolahan, termasuk di Maktab Perguruan diperkemas dan diperkukuhkan. Kurikulum Pelajaran Agama dan juga Latihan Amal perlulah diperkemas dan diubahsuaikan dengan keadaan sekeliling dan juga di peringkat umur kanak-kanak. Saya berpendapat guru-guru agama Islam yang ada sekarang bukan sahaja tidak mencukupi dari segi bilangan, tetapi juga dari segi kemampuan mereka untuk menjalankan tugas sebagai seorang pendidik agama yang berjaya dan berkesan.

Mengajar agama, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jauh lebih sulit daripada mengajar mata pelajaran lain kerana pengajaran agama bukanlah sangat untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan, tetapi lebih penting adalah untuk memberi bekal bagi membolehkan seseorang Islam dan seorang manusia itu hidup dan beramal sebagai seorang ummah yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, melihat bertambah berkembangnya ajaran-ajaran dan ceramah-ceramah agama yang boleh merosakkan akidah dan ketenteraman hidup umat Islam, ingin saya menyarankan supaya kemampuan ilmu dan ke arah penyampaian di kalangan Imam-imam kita

dipertingkatkan, sungguhpun Imam-imam ini dilantik di bawah kuasa Kerajaan Negeri, namun begitu, Kerajaan Pusat menerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Raja-raja dan Persidangan Menteri-menteri Besar dapat memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa begitu singkat dan saya tidak dapat mengulaskan lebih panjang di atas point-point yang saya berikan ini, maka saya rasa setakat ini sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Akhir sekali, saya sekali lagi menyokong ucapan terima kasih terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Keenam pada 10hb Mac yang lalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Hassan Nam.

6.04 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang saya turut berucap dengan lain-lain Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan saya mohon izin untuk turut serta menyokong usul ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Keenam di Dewan Rakyat pada 10hb Mac, 1986.

Di atas kesempurnaan hidup yang dinikmati oleh rakyat hasil dari keadaan aman, tenteram negara Malaysia ini, berkat kestabilan negara di bawah pemerintahan Kerajaan Kebawah Duli Tuanku yang diketuai pentadbiran oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia, walaupun terdapat berbagai

cabaran dari keadaan semasa. Saya juga menyatakan rasa penuh syukur ke hadrat Allah yang selama ini melindungi negara kita yang kita cintai ini dari bala bencana yang besar-besar. Dipohon juga ke hadrat Allah agar dilimpahi rahmat ke atas Kerajaan Kebawah Duli kekal aman, makmur dan berjaya seterusnya dengan Kebawah Duli Tuanku sebagai payung negara yang melindungi rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap supaya seluruh anggota masyarakat tidak mengira agama, keturunan dan fahaman politik sepatutnya bersyukur dan bersatu padu di negara ini dan seterusnya bekerjasama bagi mewujudkan kehidupan yang harmoni dalam satu masyarakat majmuk di negara kita ini. Janganlah hendaknya satu pihak cuba memperkuat aliran satu kelompok masyarakat sahaja dengan identiti berkelompok-kelompok itu sendiri, misalnya dengan fanatik agama, penonjolan simbol, pakaian dan cara hidup yang berlainan dari norma masyarakat.

Teguran Kebawah Duli mengenai pucuk pimpinan parti politik memeralatkan isu-isu perkauman dan agama semata-mata untuk tujuan mendapat sokongan adalah sangat tepat. Saya berpendapat peristiwa Memali yang dahsyat dan ngeri itu adalah akibat perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab pemimpin-pemimpin parti politik yang telah berjaya memeralatkan isu dan menggunakan agama. Dengan kenyataan-kenyataan yang dipaparkan dalam Kertas Putih telah membuktikan segala tindak-tanduk segolongan pemimpin parti Pembangkang yang bermula dengan pulau-memulau, memecah-belah masyarakat hinggalah mereka berjaya memberi dan menggalakkan hasutan menentang Kerajaan. Peristiwa hitam yang telah berlaku di Kampung Memali ini saya harap menjadi cermin hidup kepada setiap rakyat Malaysia

kita supaya mereka sentiasa sensitif terhadap unsur-unsur anti nasional ini dan mengelakkan diri mereka masing-masing dari jadi diperalatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Dalam hubungan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan dan khasnya Pasukan Polis kita yang telah dapat mematahkan dan membanteras segala niat jahat penjenayah dalam peristiwa di Kampung Memali itu sebelum ianya merebak ke lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas saranan Kebawah Duli bahawa kita hendaklah berjimat-cermat dalam membelanjakan, terutamanya dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset ini. Dalam soal jimat-cermat ini, saya berharap semoga Kerajaan dapat mengkaji semula projek-projek yang melibatkan perbelanjaan yang besar dan hendaklah memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat, terutamanya di luar bandar seperti projek bekalan air, jalan dan kesihatan.

Selaras dengan usaha Kerajaan berjimat-cermat dan keadaan ekonomi negara yang lembab, saya sungguh bersetuju tindakan Kerajaan dalam soal kenaikan gaji yang dituntut oleh CUEPACS. Jika Kerajaan melayan tuntutan CUEPACS dalam soal kenaikan gaji, sudah tentu ini akan merumitkan lagi ekonomi negara, kerana Kerajaan terpaksa mencari sumber-sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan besar bagi membayar gaji kakitangan Kerajaan. Oleh itu, di sini sukalah saya merayu kepada rakyat, khasnya kakitangan Kerajaan supaya memahami masalah ekonomi yang dihadapi oleh Kerajaan dan memberi keistimewaan yang jitu bagi

membangunkan ekonomi negara, terutamanya dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang memandang berat masalah pengangguran yang semakin meningkat dan strategi yang dibuat oleh Kerajaan dalam usaha mengurangkan pengangguran, seperti dengan menyediakan peluang pekerjaan baru dengan melaksanakan pembinaan tambahan 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986 hingga 1988, pembinaan jalan dan pembangunan pertanian, kerja-kerja pembinaan yang menggunakan ramai pekerja dan memajukan industri-industri kecil. Dalam hubungan ini saya berharap pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap warganegara asing yang ramai bekerja di negara ini. Keadaan mereka ini sedikit sebanyak telah menjadi faktor-faktor utama berlakunya pengangguran di kalangan rakyat di negara ini. Dan akhirnya di sini saya berharap Kementerian Buruh hendaklah bersungguh-sungguh mengadakan rancangan yang tersusun dan terperinci bagi mengatasi masalah buruh yang ada di negara ini dengan menekankan orientasi, latihan dan penggunaan tenaga buruh dari kalangan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong ucapan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:
Dipersilakan Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar.

6.12 ptg.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih serta ingin turut serta dengan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah lalu untuk menyokong serta menyembahkan junjung kasih yang setinggi-tingginya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah menyampaikan Titah yang begitu bernas dan mempunyai makna yang mendalam bagi difikirkan, dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan dan segenap rakyat jelata yang cinta kepada negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita terus menyentuh di atas hasrat Kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir di mana di dalam Titah Kebawah Duli ini telah ditekankan satu aspek yang penting bagi penghidupan rakyat jelata iaitu yang berbunyi "bagi meninggikan taraf kehidupan rakyat Kerajaan akan terus menambah kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan paip air". Kita berasa bangga dan terima kasih di atas penekanan yang dibuat kepada aspek kemudahan asas terutama bekalan paip air.

Berjuta-juta ringgit akan dibelanjakan, apatah lagi yang telah dibelanjakan, semakin berkembang penduduk negara ini semakin pesat pembangunannya, maka semakin diperlukan. Di dalam taklimat yang diberikan pada tahun 1985 yang lalu iaitu ketika sidang Dewan Negara dalam bulan Disember, 1985 kita telah mendengar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di desa-desa dan di bandar-bandar di atas perancangan-perancangan bekalan paip air ini. Kita turut dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kerana wang yang

begitu besar, perbelanjaan yang begitu banyak dilakukan, sedangkan kadang-kadang perancangan yang tidak teliti telah mengakibatkan pembaziran dan ketidak sempurnaan perancangan paip air ini dapat dinikmati oleh rakyat jelata. Umpamanya dari satu segi kita telah menjalankan perancangan mengikut profesionalism yang tinggi, berbagai-bagai consultant yang mahir-mahir, tetapi apakah kita mempunyai satu pusat penyelidikan yang terdiri daripada pakar-pakar kita yang berpengalaman, jurutera-jurutera kita yang berpengalaman dari segi alam keliling dan corak fizikal negara ini sendiri.

Dengan sebab itu, rasa dukacita dari segi perancangan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kadang-kadang, misalnya, di sebuah pekan di dalam negeri Perak, iaitu pekan Sungai Siput Utara. Baru-baru ini saya sambil berjalan-jalan ke utara negeri Perak dan saya dapati sepanjang 5 tahun yang saya lalu dan singgah di tempat ini ketika melakukan sembahyang Jumaat di Masjid Sungai Siput, bukanlah masjid ini terletak di sebuah tanah yang tinggi seperti Cameron Highlands, tetapi di masjid ini sentiasa airnya susah. Sentiasa kita dapati pekannya pada waktu tertentu seperti waktu pukul 7.00 petang, pukul 1.00 tengahari, waktu pagi di mana kita memerlukan beribu-ribu kanak-kanak sekolah dan suri-suri rumahtangga, menghendaki air di waktu pagi bagi menyediakan sarapan pagi dan sebagainya sebelum pergi keluar mencari mata pencarian, di situlah bekalan air ini membuat ragam, rosak dan tidak betul saluran bekalannya.

Sungguh anih, Tuan Yang di-Pertua, di satu tempat kita dapati bekalan paip air ini terbiar pecah tanpa diawasi dan kadang-kadang yang kita berasa sedih, katakanlah paip air itu pecah di tepi jalan pada hari Sabtu, lebih kurang pukul 1.00 tengahari, maka akan terbiar

begitulah air ini dengan tidak ada diperbaiki, sambung cuti hari Ahad, kalau kebetulan pula Ahad itu ialah cuti umum, maka otomatis pada hari Isnin cuti lagi, maka kalau dapat pun mujur diperbaiki pada hari Selasa. Bererti 3 hari, berapa juta litre sudah terbangun begitu sahaja. Ini duit rakyat, duit bapa saya, duit bapa tuan-tuan, duit kita semua. Tetapi ada orang-orang semuanya di dalam Jabatan Bekalan Air ini yang senang hati melihat air itu terbangun begitu sahaja. Kalau kejadian itu pada pukul 8.00 malam, 10.00 malam, 12.00 malam, kita tidak ada tempat untuk mengadu. Semua telefon ke Jurutera-jurutera Daerah tidak disambung, sengaja tidak disambung, kerana dikatakan, difahamkan iaitu pegawai-pegawai ini selalu mendapat kata-kata yang kesat, yang tidak boleh didengar oleh jantung dan telinga. Maka kita pernah juga mencadangkan supaya keadaan ini dapat diharmonikan di antara ketenteraman rumahtangga tuan-tuan besar kita di dalam Jabatan Bekalan Air ini. Eloklah ditubuhkan satu pusat 24 jam perkhidmatan telefon boleh dihubungi di mana pengaduan-pengaduan boleh kita salurkan dan agar dapat diperbaiki dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan kita menghadapi kemelesetan ekonomi, penjimatan yang berhati-hati, sambil memberikan perkhidmatan yang baik dan cekap serta memuaskan kepada rakyat jelata, patutlah langkah-langkah serta perhatian-perhatian dan cadangan-cadangan yang kita berikan di dalam Dewan ini agar mendapat perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tutup kisah paip air ini, suatu lagi yang menjadi kemusykilan kita ialah di dalam keadaan satu pekan kecil yang tenteram bekalan airnya, apabila kadang-kadang di-pasang satu bekalan yang baru, katalah ke suatu kawasan

Pasukan Polis Hutan, ke suatu kawasan tentera yang baru hendak dibekalkan, maka pemasangan ini apabila telah siap bekalan ke tempat yang baru seperti pusat-pusat tentera dan sebagainya itu pun telah dibekalkan dengan sempurna, tetapi bekalan yang lama yang sedia ada telah terganggu dan tidak tenteram. Kadang-kadang terlampau lebih tekanan air. Kadang-kadang mati tekanan air. Kemudian bila kita buat aduan, dengan senang hati pula jurutera-jurutera kita cakap, "Ini paip air lama sudah lapuk, sudah kecil, out-of-date," dengan izin. Kita kata bercakap out-of-date memang mudah tetapi bila kita hendak perbesarkan paip yang lama pula akan memakan beberapa ratus ribu ringgit lagi. Cuba tolong periksa bagaimana silap salahnya sambungan-sambungan, tekanan-tekanan di siku-siku paip yang telah disambung baru itu, kita lihat hasilnya.

Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita bukan jurutera, tetapi mahu pula jurutera yang bijak itu mendengar cadangan kita setelah diteliti dan diperiksa, satu sen modal pun tidak keluar. Paip telah baik dipulihkan. Tuan Yang di-Pertua, inilah cerita-cerita aneh dari segi kejuruteraan profesional kita dalam merancang bekalan-bekalan paip ini. Maka bukan sedikit, ratusan juta akan dibelanjakan di dalam tempoh tahun Rancangan Malaysia Kelima ini, tahun ini, tahun depan. Eloklah pemerhatian yang teliti ini dipertimbangkan supaya wang Kerajaan dapat dijimatkan dan hasil pelaksanaannya dapat dikembangkan dengan begitu berjaya kepada rakyat jelata sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada penekanan yang dibuat kepada sektor pertanian. Di dalam Titah ini telah dinyatakan dengan terangnya bahawa perancangan-perancangan serta projek-projek

pertanian bercorak komersial akan dipertingkatkan di seluruh negara. Kita telah ada sedia pusat-pusat MARDI dan sebagainya yang telah membuat kajian-kajian yang teliti dan kita juga merasa bahawa pusat-pusat pertanian di seluruh negara, pusat-pusat pertanian kecil yang ada di sepanjang jalan di seluruh negara kita ini seolah-olah hari ini mati tidak berfungsi lagi, yang ada di kawasan-kawasan itu rumah-rumah quarters lama yang diperbaiki, yang diduduki oleh pegawai-pegawai.

Kita tengok pandangan yang cantik sentiasa ditebas tetapi pokok-pokok yang ada di situ pokok-pokok rambutan tua, pokok-pokok mempelam yang tidak berbuah, ada pokok-pokok yang mati, hidup segan mati tidak mahu, tidak ada bajakah tetapi dia nasihat orang suruh gunakan baja. Jadi, ini semua tanahnya terbiar, hasil tidak ada, gaji dibayar, maintenance dibayar, fungsinya tidak ada lagi. Kementerian Pertanian yang bijaksana haruslah memikirkan tindakan-tindakan dan program-program yang pesat untuk membangunkan kawasan-kawasan ini ataupun diserahkan kepada pak tanipak tani yang dahagakan tanah di kawasan tempatan. Kerana saya kira petani-petani kita banyak yang telah berjaya. Kalau pegawai-pegawai di Pusat-pusat Latihan Pertanian ini sudah tidak berdaya lagi, bolehlah ia diberi fungsi yang lain dan kawasan-kawasan ini banyak boleh ditadbirkan oleh petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, hajat dan hasrat Kerajaan kita untuk meningkatkan industri-industri pertanian ini secara komersial tentulah juga bergantung rapat dengan pinjaman Bank Pertanian. Bank Pertanian ini, kalau dengan petani-petani kecil sepertilah keadaannya petani ini seorang peminta sedekah. Saya perhatikan kalau petani-petani yang daif, yang segan-silu, yang rendah hati, yang rendah diri, merayu

demi merayu; ini sangatlah sedih kita melihat layanan Bank Pertanian kepada golongan seperti ini.

Mereka ini sungguhpun kecil; janganlah kita fikirkan kecil tidak bermutu. Mereka ini hendak memikirkan komersial yang sofistikated, dengan izin, tidak tergambar pada fikiran kita. Memadailah kalau mereka sudah tampil ke Bank Pertanian, sudah mahu mengikuti teknik-teknik moden, sudah mahu memikirkan kehidupannya bergantung atas kaki sendiri, sudah pandai membuat kertas-kertas kerja yang ala kadar, patutlah diberi bimbingan oleh pegawai-pegawai di dalam Bank Pertanian. Kerana Bank Pertanian ini boleh kita anggap sebagai anak kandung kepada Kerajaan sendiri. Jadi, tidak sepatutnya pegawai dalam Bank Pertanian ini berfikiran seperti bank komersial yang lain-lain di mana mereka boleh menengking herdik, boleh melambat-lambatkan, boleh acuh tak acuh sikapnya melayan petani-petani. Tidak ada petani, Bank Pertanian pun tidak hidup. Cubalah kita memikirkan suatu kesedaran yang menyeluruh terhadap hasrat dan cita-cita Kerajaan ini. Kalau pun sekali Perdana Menteri kita melaung seluruh Kabinet bekerja bertungkus-lumus tetapi kalau sektor-sektor ini tidak bergerak seperti yang dikehendaki maka keadaan tempang di dalam pelaksanaan kita ini akan menghampakan harapan rakyat dan negara.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak banyak koperasi-koperasi asas tani yang telah ditubuhkan di seluruh negara tetapi koperasi-koperasi asas tani ini jikalau hendak membeli tanah sendiri di peringkat yang awal kurangnya berdaya, tetapi bila meminta tanah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, sebut sahaja nama koperasi seolah-olah seperti keadaan

basi dan lapuk yang tidak pernah mendapat suatu tahap layanan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Ini semua, Tuan Yang di-Pertua, patutlah diberi perhatian yang setimpal di dalam hasrat dan cita-cita kita untuk mempertingkatkan Dasar Pertanian Negara yang mementingkan pertanian secara komersial itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan-rakan saya yang lain yang terlebih dahulu, peristiwa berdarah Memali yang telah mencetuskan suatu kejadian dahsyat dan mengharukan ini telah dirakamkan di suatu Kertas Putih yang berterus-terang dan berani oleh pihak Kerajaan. Kita amat bersedih di atas kejadian ini di mana pihak-pihak yang terkorban telah menerima akibat dan juga telah menjadi mangsa.

Tetapi sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, rekod gemilang pemerintahan Kerajaan kita menghadapi kejadian-kejadian seperti Tentera Merah Jepun, membawa balik pemimpin tertinggi Komunis Melayu Malaya pada masa itu, Musa Ahmad

dengan tidak mencetuskan satu titik darah adalah suatu rekod kebanggaan yang sungguh mengagumkan. Kenapakah rekod-rekod seperti itu, pelaku-pelaku, pelaksana-pelaksana yang veteran yang berpengalaman ini tidak dijemput untuk memberikan pemikiran di dalam menasihatkan kepada keselamatan dan mengatasi masalah-masalah? Bukan tidak mustahil

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa untuk kita berbahas pada hari ini sudah pun cukup. Saya benarkan Yang Berhormat menyambung sedikit sahaja pada hari esok sebelum Yang Berhormat Jemaah Menteri memberi jawapan masing-masing.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang esok, hari Khamis, 10hb April, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.